



Fakulti Bahasa dan Komunikasi

PENGIMBUHAN KATA DALAM BAHASA MIRIEK

**BADARIAH ANAK UGIL
(54517)**

**Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)
Universiti Malaysia Sarawak**

2018

PENGIMBUHAN KATA DALAM BAHASA MIRIEK

oleh

**BADARIAH ANAK UGIL
(54517)**

Penyelia: Profesor Madya Dr. Norazuna Binti Norahim

Projek tahun akhir ini dihantar sebagai memenuhi salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Malaysia Sarawak

2018

Perkara Depan Projek Tahun Akhir No 2: Pengisytiharan Keaslian Kerja

Final Year Project Front Matter No. 2: Declaration of Original Work

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Sila tandakan/*Please tick*
(✓)

Projek Tahun Akhir/
Final Year Project

Sarjana/*Masters*

PhD

✓

PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA *DECLARATION OF ORIGINAL WORK*

Perakuan ini telah dibuat pada 22 Mei2018.

This declaration is made on the 22 May 2018.

Pengakuan Pelajar:

Saya BADARIAH ANAK UGIL, pemegang no. matrik 54517 dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk PENGIMBUHAN KATA DALAM BAHASA MIRIEK adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

Student's Declaration:

I BADARIAH ANAK UGIL, holder matric no. 54517 from Faculty Language and Communication hereby declare that the work entitled PENGIMBUHAN KATA DALAM BAHASA MIRIEK is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Tarikh serahan
Date submitted

BADARIAH ANAK UGIL (54517)
Name of the student (Matric No.)

Pengesahan Penyelia:
Supervisor's Declaration:

Saya ----- (NAMA PENYELIA) dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk ----- (TAJUK) telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada " FAKULTI " sebagai * memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan ----- (NYATAKAN IJAZAH), dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

*I----- (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled ----- (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of ----- (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.*

Diterima untuk pemeriksaan oleh:
Received for examination by: _____

Tarikh:
Date: _____

(Nama penyelia)/ *(Name of the supervisor)*

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (✓)) :
I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- ☐ **SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- ☐ **TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dijalankan)
- ☐ **AKSES TERBUKA**

Pengesahan Projek / Tesis
Validation of Project/Thesis

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbitkan atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- *This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).*
- *Projek/Tesis ini adalah harta undang-undang Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).*
- *The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.*
- *Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan bagi tujuan akademik dan penyelidikan sahaja dan bukan untuk tujuan lain.*
- *The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.*
- *Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk mendigitalkan kandungan tesis ini untuk Kandungan Pangkalan Data Tempatan.*
- *The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.*

Tandatangan Pelajar/*Student's signature*: Tandatangan Penyelia/*Supervisor's signature*:

(Tarikh/*Date*)

(Tarikh/*Date*)

Alamat semasa pelajar/*Current address of student*:

Nota: *Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

*Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.*

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]
[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendeskripsi proses pengimbuhan kata dalam Bahasa Miriek. Kajian ini telah memfokuskan empat objektif utama, iaitu mengenal pasti kata akar dan kata dasar, mengkategorikan jenis kata, mengenal pasti jenis imbuhan untuk menerbitkan pelbagai jenis kata, serta menghuraikan fungsi setiap imbuhan yang dikenal pasti dalam Bahasa Miriek. Metodologi kajian yang digunakan ialah berbentuk kualitatif. Data kajian dianalisis menurut kerangka Teori Tatabahasa Struktural Nida (1949). Instrumen kajian yang digunakan ialah data korpus daripada aplikasi *WeSay 1.5.45*.: Norazuna Norahim (t.t) sebanyak 1236 kosa kata, perakam suara, dan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kategori kata dalam Bahasa Miriek terdiri daripada kategori kata utama dan kata tugas. Selain itu, jenis imbuhan bahasa ini hanya mempunyai imbuhan awalan dan sisipan, manakala fungsi imbuhan kata bahasa ini berbentuk derivasi mahupun infleksi yang dilihat agak produktif.

Kata kunci: pengimbuhan kata, Bahasa Miriek, derivasi, infleksi.

ABSTRACT

This study aims to describe the affixation process in Miriek Language. This study has focused on four main objectives, namely identifying the root word and the stem word, categorizing the word, identifying the type of affix in various words, and describing the function of each affix identified in Miriek Language. The methodology of the study was qualitative. The data were analyzed according to Nida Structural Theory (1949). The instrument was used 1236 vocabulary in corpus data from *WeSay 1.5.45*: Norazuna Norahim (t.t), voice recorder, and interview. The findings show that the categories of words in Miriek are composed of main categories of words and function word. In addition, this type of affix in this language only has prefix and prefixes, while the function of affix word is in the form of derivation or inflectional which is productive.

Keywords: affixation, Miriek language, derivation, inflectional

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan rasa bersyukur ke Tuhan Yang Maha Esa kerana telah memberi kekuatan kepada saya selama ini. Pada kesempatan ini, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada beberapa pihak yang banyak membantu dan menyokong bagi melengkapkan kajian ini. Pertama sekali, penghargaan yang ikhlas ditujukan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Norazuna Binti Norahim yang sentiasa prihatin dan mengambil berat agar kajian ini dilaksanakan dengan jayanya. Saya amat menghargai segala pandangan dan idea yang telah dikongsi oleh Dr. Norazuna, yang secara tidak langsung turut mengajar cara untuk melakukan kajian ilmiah. Kedua, rakan-rakan seperjuangan, khususnya di Universiti Malaysia Sarawak, yang sentiasa mengharungi bersama sepanjang projek tahun akhir ini dijalankan. Seterusnya, ditujukan khas buat keluarga saya yang sentiasa memahami dan memberi dorongan dari segi kewangan dan moral.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA	i-iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii-vii
SENARAI JADUAL	vii-ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB

1 PENGENALAN

1.1 Latar belakang kajian	1-4
1.2 Penyataan masalah	5-6
1.3 Persoalan kajian	6
1.4 Objektif kajian	6
1.5 Signifikan kajian	6-7
1.6 Definisi operational	7
1.6.1 Pengimbuhan kata	7-8
1.6.2 Morfem bebas dan morfem terikat	8
1.6.3 Kata akar dan kata dasar	8-9

2 SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan	10
2.2 Perbandingan kajian lepas tentang kajian morfologi khususnya pengimbuhan kata di Brunei	10-13
2.3 Perbandingan kajian lepas tentang kajian morfologi khususnya pengimbuhan kata di Malaysia	13-18
2.4 Pendekatan atau kaedah pengumpulan data bagi kajian morfologi	18
2.5 Pendekatan kajian morfologi	18-21
2.6 Ringkasan	21

3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	22
3.2 Reka bentuk kajian	22-23
3.3 Data korpus dan persampelan	23-24
3.4 Instrumen	24
3.4.1 Data korpus	24-25
3.4.2 Perakam suara	25
3.4.3 Temu bual	25-26
3.5 Kaedah pengumpulan data	26-27
3.6 Kaedah penganalisan data	27-29
3.7 Batasan kajian	29-30

4 HASIL DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	31
4.2 Kata akar dan kata dasar	31-36

4.3 Pengkategorian jenis kata Bahasa Miriek	36
4.3.1 Kata nama	37
4.3.1.1 Kata nama am	37
4.3.1.2 Kata ganti nama	38
4.3.2 Kata kerja	38
4.3.2.1 Kata kerja tak transitif	39-40
4.3.2.2 Kata kerja transitif	40-41
4.3.3 Kata adjektif	41-45
4.3.4 Kata tugas	46
4.4 Fungsi setiap imbuhan dalam kata kerja, kata nama, kata adjektif	46-51
4.5 Fungsi setiap imbuhan dalam contoh ayat	52-55
 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	56
5.2 Rumusan kajian	56
5.3 Implikasi kajian	56-57
5.4 Cadangan kajian	57
5.5 Kesimpulan kajian	57-58
 RUJUKAN	59-61
 LAMPIRAN	
A: Kategori kata utama	62-132
B: Kategori kata tugas	133-141
C: Sub-kategori Bahasa-Bahasa Borneo	142

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.6.1 Contoh Analisis Proses Derivasi Dan Proses Infleksi	28
3.6.2 Rumusan Pendekatan Tatabahasa Struktural	29
4.2.1 Proses Pengimbuhan Dalam Bahasa Miriek	32-34
4.3.1 Kategori Kata Nama Bahasa Miriek	36-37
4.3.2 Kategori Kata Kerja Bahasa Miriek	38-39
4.3.3 Kategori Kata Adjektif Bahasa Miriek	42-43
4.3.4 Kategori Kata Tugas Bahasa Miriek	46
4.4.1 Mengenal Pasti Jenis Imbuhan Infleksi Dan Fungsinya Dalam Bahasa Miriek	47-49
4.4.2 Mengenal Pasti Jenis Imbuhan Derivasi Dan Fungsinya Dalam Bahasa Miriek	50-51
4.5.1 Fungsi Imbuhan Infleksi Dan Derivasi Dalam Contoh Ayat Bahasa Miriek	52-54

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
3.2.1 Carta Alir Proses Kerangka Kajian Fundamental	23

SENARAI SINGKATAN

UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
CAIS	Centre for Academic Information Services
BM	Bahasa Melayu
KN	Kata Nama
KGND	Kata Ganti Nama Diri
KGNTunjuk	Kata Ganti Nama Tunjuk
KK	Kata Kerja
KKTT	Kata Kerja Tak Transitif
KKT	Kata Kerja Transitif
KA	Kata Adjektif
KSN	Kata Sendi Nama

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Tidak dinafikan deskripsi sistem bahasa merupakan satu bidang kajian yang penting atau fundamental lebih-lebih lagi bagi bahasa-bahasa minoriti yang terancam kedudukannya. Deskripsi ini dilakukan bagi memberi gambaran yang jelas tentang struktur dan sistem sesuatu bahasa. Secara harafiah, bidang morfologi merupakan salah satu deskripsi linguistik yang mengkaji tentang pembentukan kata atau morfem-morfem yang berlaku dalam sesuatu bahasa. Kepentingan deskripsi linguistik kepada sesuatu bahasa dapat menjadikan penyebaran bahasa yang lebih luas seperti Bahasa Sepanyol, Perancis dan Inggeris. Asmah (2017: 12) ada menyatakan penyebaran bahasa sebagai “...*those that are known as languages of wider diffusion, the most dominant being English*”.

Jika dilihat pengkajian bahasa-bahasa Austronesia juga menunjukkan persamaan kekerabatan antara Bahasa Melayu dengan Bahasa Tagalog, Jawa dan Bali (Asmah, 1995: 6-7). Kepentingannya ialah dokumentasi bahasa kerana khazanah bahasa merupakan khazanah budaya bagi sesuatu masyarakat. Sekiranya deskripsi awal tidak dilakukan, maka akan hilang khazanah yang berharga dan berstatuskan sebagai salah satu bahasa yang terancam.

Di Sarawak, deskripsi linguistik bahasa-bahasa tempatan masih sangat berkurangan. Hal ini dapat dibuktikan dengan satu kajian yang telah dijalankan oleh Norazuna (2013) yang menyatakan deskripsi linguistik sedang meningkat. Walau bagaimanapun, projek jangka panjang dalam pendokumentasian bahasa masih belum digariskan. Begitu juga dengan kesusasteraan tentang bahasa-bahasa peribumi yang kurang diterokai. Hal ini telah mewujudkan isu-isu bahasa yang terancam.

Tunggal (2009) dalam kajian beliau memperlihatkan aspek morfologi dan proses-prosesnya dalam Bahasa Tutong. Lima kategori yang mengalami proses pengulangan penuh kata dasar, iaitu reduplikasi kata nama, reduplikasi kata adjektif, reduplikasi kata penjodoh bilangan, reduplikasi kata bilangan, dan reduplikasi kata keterangan. Namun, reduplikasi kata penjodoh bilangan akan berubah bentuk apabila kata penjodoh bilangan diulang yang tidak berfungsi sebagai kata penjodoh bilangan lagi. Proses morfologi yang lain termasuk pemajmukan, penggantian bunyi konsonan dan vokal pada kata dasar serta penyingkatan atau akronimisasi (elipsis). Tiga bentuk proses penggandaan kata kerja yang berlaku. Misalnya penggandaan penuh kata berimbuhan, penggandaan separa dan penggandaan penuh kata dasar.

Kajian Noor Alifah (2004) juga menghuraikan proses morfologi yang berlaku dalam Bahasa Belait. Berlakunya proses pengulangan kata dasar, iaitu berbentuk pengulangan penuh dalam jenis kata nama, kata adjektif, kata bilangan, kata penjodoh bilangan dan kata keterangan. Proses pemendekan/akronimisasi/elipsis juga berlaku dengan menggugurkan sebahagian daripada fonem sehingga membentuk kata satu suku kata. Misalnya, perkataan *tuppoo* (poo), *tul* (le), *apiak* (piak), *amiak* (miak), *mubpok* (pok), *mukkaa* (kaa), *pelittap* (tap), *pinnaa* (naa), dan *mukkud* (kud). Kajian ini juga memperlihatkan berlaku perubahan bunyi dalam proses penerbitan kata jenis derivasi Bahasa Belait. Perubahan bunyi /u/ menjadi /i/ manakala /um/ menjadi /in/ apabila kata kerja aktif berubah menjadi kata kerja pasif. Begitu juga dengan kata kerja pasif disisipkan dengan sisipan *-en* yang berfungsi sebagai kata penguat. Apabila awalan *ser-* melalui proses penggabungan, kata dasar pada kata kerja transitif menggugurkan fonem /p/ dan fonem /a/ dikekalkan. Kata dasar yang bermula dengan fonem /k/ dalam kata kerja transitif akan menerima awalan *te-*. Awalan *k-* wujud apabila kata akarnya ialah fonem /m/ tetapi fonem ini digugurkan setelah bergabung. Imbuhan sisipan *-em-* (fonem awal /g/, /k/) dan *-en-* (fonem awal /b/, /t/) juga wujud dalam

kata kerja transitif. Perubahan bunyi berlaku apabila kata kerja transitif aktif berubah menjadi kata kerja transitif pasif. Perubahan dalam bunyi $u \rightarrow -ere-$ mengalami proses $u \rightarrow (-ere-)$ i, iaitu bunyi i telah digugurkan untuk penyesuaian bunyi. Perubahan bunyi $um \rightarrow te-$ + in dan bunyi $um \rightarrow ter-$ + in mengalami dua proses pembentukan menjadi kata kerja pasif tak sengaja.

Maka, kajian ini mendeskripsi sistem bahasa khususnya sistem morfologi Bahasa Miriek dengan tumpuan kepada proses pengimbuhan dalam kata. Proses ini memberi kepentingan deskripsi linguistik kepada sesuatu bahasa lebih-lebih lagi bahasa yang terancam seperti Bahasa Miriek. Aspek pengimbuhan kata dikaji sebagai salah satu langkah dokumentasi awal bahasa sukuan ini. Bahasa ini sedang menghampiri kepupusan kerana generasi muda kurang fasih berbahasa Miriek. Menurut Asmah (2017: 22), Miriek juga tergolong dalam kategori moribund, iaitu di tahap akhir keterancamannya seperti juga Bahasa Tatau, Lugat, Mirek, Vaie, Ukit, Kajang, dan Kejaman.

Bahasa Miriek merupakan salah satu bahasa sukuan yang dituturkan di utara negeri Sarawak dan negara Brunei. Bahasa ini merupakan bahasa komunikasi etnik Miriek di Miri yang lebih dikenali sebagai bahasa *Tuttot Meirik* atau bahasa *Jatti Meirek* (Rachel, 2012). Blust (1972) dalam Bibi Aminah (1997) telah mengklafikasikan Bahasa Miriek ini sebagai bahasa ‘hilir Baram’ atau *Baram-Tinjar* yang terdapat dalam subkumpulan bahasa di utara Sarawak. Beliau menyatakan bahawa subkumpulan bahasa tersebut terdiri daripada dialek Kiput, Lelak, Dali, Belait, Berawan, Narum, Lemeting, Miri dan juga Tutong.

Jatti Meirek merupakan antara komuniti tertua di Sarawak yang telah wujud sekitar 200-300 tahun lalu menurut Abdillah Temenggung Abdul Rahim (dalam Rachel Nina, 2012). Menelusuri sejarah kaum Miriek ini, mereka dikatakan berasal daripada masyarakat Kayan yang merupakan rumpun kaum Orang Ulu yang dahulunya menetap di Apo Kayan. Akibat daripada peperangan Kayau yang tercetus, maka etnik ini telah berhijrah ke Baram dan turut

meneroka penempatan baharu sepanjang sungai Miri. Dengan itu, mereka mendapat nama dan dikenali sebagai orang Miriek. Beratus-ratus tahun dahulu hanya etnik Miriek yang mendiami kawasan sungai ini seperti di Likoh Miriak, Padang Likud dan Sungai Taniku (Borneo Oracle, 2012).

Terdapat dua sub-etnik kaum Miriek, iaitu Miriek Bahut dan Miriek Permaisuri. Orang Miriek Bahut merupakan orang jati Miriek yang tidak mengamalkan perkahwinan campur berbanding orang Miriek Permaisuri yang mengamalkan perkahwinan campur dalam sosio-budayanya. Zainah (1978) dalam Bibi Aminah (1997) ada menyatakan terdapat dua kelompok orang Miriek pada asalnya yang terdiri daripada ‘Mirek Bahut’, iaitu orang Miriek jati dan ‘Mirek Permaisuri’, iaitu orang Miriek yang berketurunan seorang permaisuri dari Celebes. Kini, sub-etnik Miriek Permaisuri berpusat di kawasan seperti Kampung Wireless, Miri manakala sub-etnik Miriek Bahut pula berpusat di kawasan seperti Kampung Pujut Seberang, Kampung Pujut Padang Kerbau, Kampung Pangkalan Lutong, Kampung Bekam, Kampung Pujut, Lopeng dan Sungai Miri.

Mengikut Persatuan Jatti Meirek seperti yang dilaporkan dalam Bibi Aminah (2017: 82) jumlah penduduk Miriek mencapai lebih 10,000 orang, tidak termasuk etnik-etnik Miriek yang berada di daerah Miri yang lain seperti daerah Bekenu, Niah, Bakong dan Marudi. Jumlah ini termasuk 11 sub-dialek atau bahasa, iaitu Kiput, Berawan, Tutong, Belait dan Daleik. Namun, kajian oleh Bibi Aminah (2006: 82) mendapati terdapat 2500 orang penutur sahaja di sekitar perkampungan di Miri. Antara perkampungan tersebut ialah Kampung Tanjung Batu Pujut, Jalan Pujut Lutong, Kampung Pengkalan Lutong, Kampung Sungai Miri Kecil, Piasau, Kampung Bakam, Kampung Dagang serta Kampung Lopeng dan Riam Road Batu Dua. Etnik ini juga merupakan pembentuk kepada masyarakat Melayu Sarawak sama seperti etnik Narom, Tutong dan Belait.

1.2 Penyataan masalah

Kajian ini bertujuan untuk meneliti dan mendeskripsi salah satu proses morfologi iaitu pengimbuhan kata dalam Bahasa Miriek. Dapatan kajian akan menjawab kelompangan kajian dalam bidang morfologi khususnya yang mendeskripsi bahasa-bahasa minoriti yang menghampiri kepupusan. Sehingga kini, belum ada tesis yang mendeskripsi morfologi Bahasa Miriek dengan terperinci. Hanya satu kajian yang menyentuh aspek morfologi oleh Bibi Aminah (2017: 88-90). Bibi Aminah Abdul Ghani (2017) dalam penerbitannya, "*The linguistic consequences of Bintulu and Miriek due to language contact*" membincangkan kata kerja aktif dan pasif, aspek leksikon serta beberapa imbuhan awalan dan imbuhan sisipan. Justeru itu, kajian ini memberi sumbangan kepada ilmu tentang bentuk dan struktur bahasa minoriti khususnya Bahasa Miriek.

Walaupun ada kajian tentang komuniti Miriek sejak tahun 1978 lagi, namun setakat ini jumlah penerbitan tentang etnik ini terlalu sedikit. Antara penerbitan-penerbitan terdahulu ialah yang Kajian Sains Sosial, *Malay Ethnicity in Sarawak: The case of Orang Miri* (Tunku Zainah Tunku Ibrahim, 1978); Kajian Sociolinguistik yang melihat peralihan bahasa dalam kalangan penuturnya (Bibi Aminah & Abang Ahmad Ridzuan, 1992; Bibi Aminah, 1994, 2000); Kajian *Inventori Nomenclature Miriek* (Siti Hajar Mohammed, Rahim Aman & Shahidi A. Hamid, 2017) dan penerbitan bertajuk *Language Documentation and Dictionary Resource Development for Machine Readable Dictionary (MRD) of Underdescribed and Undeveloped Indigenous Language* (Norazuna et.al, 2017).

Analisis pengimbuhan kata dalam Bahasa Miriek meneliti dua kedua-dua jenis bentuk pengimbuhan, iaitu bentuk derivasi (perubahan kelas kata) dan bentuk infleksi (yang membawa fungsi tatabahasa). Kajian ini mengenal pasti bentuk kata akar dan kata dasar, serta jenis imbuhan dalam pembentukan kata. Fungsi setiap imbuhan juga yang dikenal pasti. Selain pengimbuhan, proses morfologi yang lain seperti penggandaan dan paradigma (ablaut)

juga terdapat dalam bahasa ini. Namun, proses-proses ini tidak akan diteliti.

1.3 Persoalan kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mendeskripsi proses pengimbuhan kata dalam Bahasa Miriek.

1.4 Objektif kajian

- 1.4.1 Mengenal pasti kata akar dan kata dasar dalam Bahasa Miriek
- 1.4.2 Mengkategorikan jenis kata dalam Bahasa Miriek
- 1.4.3 Mengenal pasti jenis imbuhan untuk menerbitkan pelbagai jenis kata
- 1.4.4 Menghuraikan fungsi setiap imbuhan yang dikenal pasti

1.5 Signifikan kajian

Kajian ini dapat memperbanyakkan usaha dalam mendokumentasikan Bahasa Miriek dengan melakukan deskripsi sistem morfologinya. Deskripsi ini dapat memperkayakan khazanah ilmu dalam bidang ini khususnya tentang proses pengimbuhan dalam kata. Kajian ini memanfaatkan pangkalan data empirikal Kamus Bahasa Miriek sebanyak 1236 perkataan yang terdapat di dalam aplikasi *WeSay 1.5.45*. (rujuk Norazuna, 2017).

Penelitian awal morfologi Bahasa Miriek mendapati proses pengimbuhan bahasa ini agak berlainan dengan bahasa-bahasa serumpun dengannya. Perbandingan di antara Bahasa Miriek dengan Bahasa Iban dan Bahasa Melayu boleh dilakukan dengan melihat dari segi imbuhan kata yang berfungsi dalam bentuk derivasi mahupun bentuk infleksi. Infleksi dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Iban mempunyai imbuhan infleksi yang berfungsi sebagai penanda pasif. Misalnya perkataan “diberikan” dengan perkataan “memberikan” yang menunjukkan sifat kala. Namun, imbuhan dalam kedua-dua bahasa ini kebanyakannya jenis

derivasi (Asmah dan Rosline Sandai, 2012). Dalam Bahasa Miriek pula, kedua-dua jenis bentuk imbuhan ini agak produktif. Usaha ini sedikit sebanyak dapat mengekalkan bahasa minoriti ini sebagai salah satu bahasa yang terdapat di negeri Sarawak ini.

1.6 Definisi operational

Berikut merupakan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini.

1.6.1 Pengimbuhan kata

Asmah (2015) memberi definisi pengimbuhan kata sebagai proses morfologi yang mana imbuhan diletak pada bentuk akar atau bentuk dasar untuk menghasilkan kata terbitan. Manova (2014) pula mentakrifkan pengimbuhan kata sebagai satu proses morfologi yang terdiri daripada morfem terikat, iaitu hasil daripada kata imbuhan yang disisipkan dengan kata dasar sesuatu perkataan. Matthews (1991) juga menyatakan pengimbuhan kata sebagai “...*a morphological process whereby an affix is attached to root or stem*”.

Menurut Abdullah Hassan (2006: 12), pengimbuhan kata merupakan satu proses menerbitkan perkataan dengan mencantumkan satu atau lebih imbuhan kepada sesuatu bentuk dasar, sama ada awalan, akhiran, apitan dan sisipan. Pengimbuhan mempunyai dua fungsi; ia boleh mengubah kategori kata atau membawa fungsi tatabahasa dalam sistem morfologi sesuatu bahasa. Perubahan ini menyebabkan kategori kata berubah dari kata nama kepada kata kerja, dan proses ini dinamakan proses derivasi. Sebagai contoh, perkataan “jerat” (KN) berubah menjadi “dijerat” (KK transitif pasif). Begitu juga perubahan dari segi golongan kata yang dibahagi kepada dua kumpulan utama, iaitu kata kerja tak transitif dan kata kerja transitif (aktif, pasif). Misalnya, perkataan “memijak”, “dipijak” dan “terpajak”.

Kajian ini menggunakan definisi yang dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji ini dan skop kajian merangkumi proses derivasi dan infleksi.

1.6.2 Morfem bebas dan Morfem terikat

Dapat dikatakan unit-unit bahasa terdiri daripada dua unsur, iaitu morfem bebas (kata) dan morfem terikat (imbuhan, morf) dalam membina sesuatu perkataan. Dalam morfologi, konsep yang paling asas ialah morfem. Asmah (2015: 117) mendefinisikan morfem sebagai “unit yang paling kecil dalam nahu yang mempunyai makna” (*the smallest meaningful grammatical unit*). Terdapat dua jenis morfem, iaitu morfem bebas (kata) dan morfem terikat (imbuhan, morf). Sarjana Barat juga ada menyatakan morf merupakan sebahagian daripada fonem atau fon yang memberi takrifan seperti berikut:

A morph is a meaningful group of phones which cannot be subdivided into smaller meaningful units.

(Nelson Francis, 1958:170 dlm. Asmah, 2015:116)

Oleh itu, dapat dikatakan bahawa morfem merupakan unsur terkecil dalam morfologi yang mempunyai makna.

1.6.3 Kata Akar dan Kata Dasar

Pengimbuhan kata ini juga mempunyai pengkategorian besar jenis-jenis morfologi, iaitu morfologi infleksi dan morfologi derivasi. Brinton (2000) dalam *The Structure of Modern English: A Linguistic Introduction*, morfologi infleksi merupakan proses pembentukan kata baru yang dapat ditambahkan dengan imbuhan terhadap suatu kata tanpa mengubah kelas kata tersebut. Misalnya dalam Bahasa Inggeris, iaitu perkataan "study", "studies", "studied", "studying" yang masih lagi menjadi kata kerja. Morfologi derivasi pula merupakan proses imbuhan terhadap suatu suku kata yang mengubah kelas

kata tersebut. Contoh dalam Bahasa Melayu seperti perkataan "pukul", "pemukul", "pemukulan".

Dalam meneliti aspek ini, kata akar dan kata dasar perlu dikenal pasti terlebih dahulu. Kata akar terdiri daripada morfem bebas, iaitu unsur terkecil kata yang boleh berdiri sendiri dan mempunyai makna. Kata dasar pula merupakan bentuk kata sebelum imbuhan terakhir ditambah.

Abdullah Hassan (2007) ada menyatakan kata terbitan juga boleh berfungsi sebagai kata dasar dan imbuhan. Misalnya perkataan "pakaian" (ber + pakaian) yang mengalami pengimbuhan dua lapis. Contoh perkataan "berangkat" (ke + berangkat + an) pula memperlihatkan berlakunya pengimbuhan tiga lapis. Malah juga terbentuk daripada dua unsur bahasa, iaitu morfem dan kata. Misalnya morf seperti *ber-*, *me-*, dan *men-*, dan bukannya dikategorikan sebagai perkataan kerana tidak mempunyai makna. Lihat contoh-contoh berikut:

- i. **tanya** → satu kata, 1 morfem
- ii. **bertanya** → satu kata terdiri dari 1 morf dan 1 morfem, iaitu *ber-* + tanya

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bab ini akan meninjau kajian-kajian lepas yang mengkaji morfologi bahasa-bahasa tempatan. Perkara yang diteliti ialah aspek morfologi yang dikaji khususnya yang berkaitan dengan proses pengimbuhan serta teori-teori yang berkaitan dengan bidang ini. Ia juga membincangkan kajian yang memfokus kepada dua proses utama pengimbuhan, iaitu derivasi dan infleksi. Di akhir bab ini, disertakan rumusannya tentang bidang kajian ini.

2.2 Perbandingan kajian lepas tentang kajian morfologi khususnya pengimbuhan kata bahasa-bahasa di Brunei

Bahagian ini meninjau beberapa kajian morfologi di Borneo yang menyelidik proses pengimbuhan. Tunggal (2009) telah menjalankan kajian tentang struktur Bahasa Tutong di Brunei. Kajian ini meneliti bahasa puak jati, iaitu Bahasa Tutong dari Bangsa Melayu di Negara Brunei Darussalam. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti struktur bahasa Tutong dari segi fonologi, morfologi dan sintaksis. Kedua, menganalisis tingkat berkognat yang serumpun dengan bahasa Tutong.

Dalam kajian ini, data morfologi dikutip melalui satu senarai kata bagi Bahasa Tutong manakala Bahasa Dusun dan Bahasa Kedayan menggunakan kaedah tanya bual tanpa dirakam melalui beberapa orang informan yang bertutur dalam bahasa tersebut. Pengkaji telah memilih informan di Kampung Penanjong berdasarkan kriteria golongan tua bagi memperolehi keaslian data kajian tersebut termasuk Bahasa Belait di Kampung Mumong, Belait. Bahasa Punan pula diperolehi daripada informan yang berusia 30-an dari Rumah Panjang Kampung Sukang, Ulu Belait. Pemilihan informan 30-an dikatakan tidak sesuai

kerana pemilihan seseorang informan haruslah berdasarkan kriteria standard, iaitu informan mestilah berumur 40 ke 60 tahun dan ke atas (Ayatrohaedi, 1983). Namun, kajian ini memanfaatkan informan daripada golongan tua dan golongan muda bagi melihat keaslian data (Noor Alifah, 2004).

Aspek morfologi memperlihatkan Bahasa Tutong ini mempunyai dua jenis proses morfologi, iaitu proses pengimbuhan (afiksasi) seperti imbuhan *m-*, *ka-*, *ta-*, *sa-*, *ba-*, *n-*, dan *ka-* dalam kata *iyān* (makan) serta proses penggandaan seperti *iyān-iyān* dan *miyān-miyān*. Kata akar paling kerap digunakan ialah kata akar dua suku kata berbanding kata akar satu suku kata dan tiga suku kata. Terdapat pengimbuhan kata dasar Bahasa Tutong seperti awalan {*pa-*, *pan-*, *pam-*, *pany*, *pang-*, *pangə-*, *paɣ-*}, akhiran {-*an*} dan apitan {*pa...-an*} dalam kata nama terbitan. Bagi kata adjektif terbitan pula, terdapat awalan {*ta-*} dan {*ka-*} yang masing-masing bererti perbandingan dan sangat atau paling. Kata awalan {*ka-*} juga terdapat dalam kata bilangan manakala penjodoh bilangan menerima imbuhan {*sə-*} dan {*sa-*}. Imbuhan awalan {*ba-*}, {*ka-*} dan {*sa-*} ditambah pada keterangan kata kerja (KK).

Satu lagi tesis yang melaporkan deskripsi linguistik bahasa tempatan di Brunei oleh Noor Alifah (2014). Dalam kajian ini, predikat frasa kerja membentuk unsur kata kerja asal, kata bantu dan unsur keterangan. Kata kerja dalam bahasa ini terdiri daripada kata kerja tak transitif dan kata kerja transitif. Bagi kata kerja tak transitif, ia terdiri daripada kata kerja tak transitif biasa dan kata kerja tak transitif terbitan. Begitu juga dengan kata kerja transitif itu sendiri. Dari aspek kata bantu, ia terdiri daripada dua jenis, iaitu kata bantu aspek dan kata bantu ragam. Kata bantu aspek tergolong kepada tiga jenis, iaitu perbuatan itu sudah dilakukan (5), sedang dilakukan (2) dan belum dilakukan (3). Kata bantu ragam pula seperti 'kira', 'guniek', 'aros', 'mesti', 'maloi' dan juga 'dapiet'. Frasa adjektif bahasa ini pula menghasilkan satu perkataan adjektif sahaja, atau deretan perkataan yang mengandungi kata adjektif dengan kata bantu dan kata penguat, sama ada di depan atau di belakang. Terdapat

enam jenis kata tugas yang hadir dalam Bahasa Belait seperti kata hubung (13), kata tegasan (6), kata nafian (7), kata tanya (16), kata depan (9) dan kata seru (8). Urutan kata dalam ayat tunggal boleh wujud dalam bentuk urutan subjek dan predikat mahupun urutan predikat dan subjek. Urutan kata ini berlaku dalam semua ayat. Antaranya ialah ayat pertanyaan, ayat jawapan, ayat permintaan, ayat silaan/jemputan, ayat larangan, ayat penyata, ayat seruan, ayat perintah, ayat penafian, dan ayat suruhan. Seterusnya, kata majmuk penambat terdapat 13 jenis (*ngan, chiin, lanyoo, atau, tapi, nganyia, kecuali, kalau, sambil, no, walaupun, adiehkah...atau, padahal*) yang selalu digunakan dalam Bahasa Belait.

Selain itu, kajian terhadap aspek morfologi kata kerja Bahasa Belait. Dalam bahasa ini, terdapat morfem terikat, iaitu awalan (*se-, be-*), akhiran (*-dih*), apitan (*se...-dih*), sisipan (*-en-*), dan juga perubahan bunyi ($u \rightarrow i$). Kajian ini juga memfokuskan kepada proses morfologi yang terdapat dalam bahasa ini seperti proses kata dasar atau kata akar. Kedua, kata dasar dan afiksasi (pengimbuhan). Ketiga, kata dasar dan reduplikasi (pengulangan). Seterusnya, kata majmuk (persenyawaan) serta kata singkat (pemendekan/akronimisasi/elipsis) dan juga perubahan bunyi dalam Bahasa Belait ini.

Kata akar dalam bahasa ini mempunyai sehingga lima suku kata. Kata dasar yang digunakan dalam memberi contoh ialah kata nama, kata adjektif, kata bilangan, kata keterangan dan kata penjodoh bilangan. Begitu juga dengan kata dasar + afiksasi (pengimbuhan). Ia berlaku dalam awalan, akhiran dan apitan yang telah menerbitkan kata nama terbitan. Contoh kata nama terbitan ialah *pe-, pen-, be-, se-* dan *ser-*. Penggunaan kata nama tertentu menggunakan kata *idieh* ‘orang’, *shau* ‘pakai’, *tukaang* ‘tukang’, *ngan* ‘dengan’ dan *long* ‘memiliki/mempunyai’ pada awal kata. Hal ini demikian kerana kata nama berimbuhan jarang wujud, malahan penggunaan kata nama tertentu berfungsi dalam menerbitkan maksud baharu bagi kata nama tersebut. Bagi kata adjektif terbitan (kata dasar + imbuhan), awalan *se-* mempunyai fungsi yang sama seperti ‘dengan’ dan ‘terlalu’. Kata

imbuhan (kata dasar + imbuhan) pula awalan *me-*, *se-*, dan *ke-*. Kata bilangan *sellang* dan awalan *se-* hadir di hadapan penjodoh bilangan yang menunjukkan makna satu. Imbuhan awalan (*dis-*, *se-*, *be-*, *te-*), akhiran (*-dih*) dan apitan (*se-...-dih*) juga wujud dalam kata keterangan.

Aspek morfologi dirumuskan bahawa bahasa ini terdapat satu proses perubahan bunyi yang tidak dijumpai dalam Bahasa Melayu Standard. Bentuk-bentuk kata Bahasa Belait juga masih mengekalkan Bahasa Austronesia purba seperti *paat* (empat) dan *nam* (enam). Bahasa ini juga menerima pengaruh daripada Bahasa Melayu Brunei yang mempunyai 3 bunyi vokal (a, i, u) dengan menggunakan bunyi /a/ pada suku kata pertama seperti perkataan *paneeng* (pening).

2.3 Perbandingan kajian lepas tentang kajian morfologi khususnya pengimbuhan kata bahasa-bahasa di Malaysia

Satu kajian tentang analisis pembentukan kata telah dijalankan oleh Asmah Haji Omar dan Rosline Sandai (2012) dalam buku yang bertajuk “Morfologi Bahasa Iban: Morfologi Jaku Iban”. Kajian ini bertujuan untuk menerapkan` asas ilmu morfologi dalam menganalisis perkataan dalam Bahasa Iban. Kajian ini telah memperlihatkan aspek morfologi dari segi morfem, kata, ayat, proses morfologi, jenis-jenis morfem, pembentukan kata. Kaedah kajian yang telah digunakan oleh pengkaji ialah data korpus yang diperolehi daripada 2 buah buku (Sengalang Burong & Kumang ngiga lintum) dan 2 buah karya (Dunia Aku & Emperan Assam Panas).

Hasil kajian mendapati terdapat tiga jenis proses pembentukan kata dalam Bahasa Iban, iaitu penambahan (awalan, akhiran, sisipan), penggantian (penyengauan penggantian, penyengauan penambahan) dan penggandaan. Proses penggandaan pula terdiri daripada tiga jenis, iaitu penggandaan seluruh kata, penggandaan kata akar dan penggandaan suku kata

pertama. Morfem awalan *be-* (*be-*, *ber-*, *bel-*, *b-*), morfem terikat (awalan dan akhiran *-ka*), dan imbuhan sisipan (*-em-*, *-el-*, *-er-*). Terdapat juga imbuhan awalan kata kerja lain seperti awalan *en-*, *me-*, *pe-*, *te-*, *di-*, *ke-*, *beke-* dan *bete-* dan juga imbuhan *-ka*. Kata kerja juga berbentuk kata selapis, yaitu kata akar dan kata kompleks. Bagi pembentukan kata nama pula, morfem terikat ialah *pe-*, *me-* dan *se-*, penggandaan suku kata pertama dan imbuhan sisipan, iaitu *-em-*, *-el-*, dan juga *-er-*. Selain itu, pembentukan adverba terdiri daripada kata asal adverba dan kata dari golongan lain yang ikut membentuk adverba. Kesimpulannya, Bahasa Iban proses morfologi, iaitu pembentukan kata dalam Bahasa Iban mempunyai unsur pelbagai yang tidak seragam penggunaannya dalam ayat.

Satu tesis yang melakukan deskripsi linguistik bahasa tempatan di Sarawak oleh Salbia (2010). Aspek morfologi dalam Dialek Melayu Sarawak (DMS) dikaji untuk melihat produktiviti imbuhan awalan yang digunakan. Kajian ini memanfaatkan 607 kosa kata dasar dalam DMS yang dikumpul menerusi kajian Salbia Hassan (2004) dan Collins (1987). Setiap imbuhan yang dikenal pasti dianalisis dengan menggunakan kriteria produktiviti oleh Katamba (1993) dan Aronoff (1976) Kajian ini mendapati terdapat lima imbuhan awalan yang produktif, iaitu awalan /N-/ , /be-/ , /se-/ , /di-/ dan /te-/ . Dalam kajian ini, awalan /N-/ menerbitkan kata kerja transitif dan tidak transitif. Awalan /N-/ merupakan prefiks yang bersifat produktif dan menjadi imbuhan infleksi. Imbuhan dalam bahasa ini menunjukkan perubahan yang membawa fungsi tatabahasa. golongan kata akibat daripada fungsi imbuhan infleksi daripada KKTT kepada KKT aktif .Misalnya, dalam contoh perkataan berikut.

/tumbuk/ → [n+ tumbuk] → [numbo?] ‘menumbuk’

/potong/ → [m + potong] → [motong] ‘memotong’

/kumpul/ → [ng + kumpul] → [ngumpul] ‘mengumpul’

/sapu/ → [ny+ sapu] → [nyapu] ‘menyapu’

Kajian berdasarkan data korpus telah dilakukan oleh Bibi Aminah (2017) dalam kajian beliau yang bertajuk “*The Linguistic Consequences of Bintulu and Miriek due to language contact*”. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui perubahan fonologi, morfologi dan leksikon yang berlaku dalam Bahasa Bintulu dan Miriek. Dalam kajian ini, beliau hanya memfokuskan kepada morfem terikat yang dipengaruhi atau dipinjam daripada Bahasa Melayu, kata kerja aktif, kata kerja pasif serta aspek leksikal secara umum sahaja.

Pengkaji menggunakan senarai *Swadesh* dalam mengumpul data kajian dan contoh penggunaan ayat juga turut dikutip dengan menggunakan kaedah *The Direct Elicitation*. Beliau menyebut setiap perkataan kepada informan, begitu juga dengan informan akan memberi contoh perkataan dalam Bahasa Miriek. Data korpus juga digunakan untuk dirujuk semula. Pemerhatian daripada peserta juga turut digunakan untuk melengkapkan proses pengumpulan data kajian ini. Data daripada kedua-dua bahasa ini dikumpul daripada penutur daripada kawasan yang berbeza, umur, dan latar belakang pendidikan. Bagi Bahasa Bintulu, kutipan data pada tahun 1992 dirujuk semula. Data-data yang baharu dikutip daripada sampel senarai kata daripada sesi perbincangan projek kamus semasa seminar yang telah dianjurkan oleh masyarakat Bintulu dan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak. Lingkungan umur informan bagi Bahasa Bintulu adalah berumur 17 hingga 42 tahun. Bagi kutipan data Miriek, kaedah yang sama digunakan untuk mengumpul sampel bahasa tersebut. Informan dipilih berdasarkan lingkungan umur antara 20 tahun hingga 90 tahun. Data dikumpul semasa bengkel yang telah dianjurkan oleh Persatuan Jatti Meirek pada Mac 2012.

Hasil kajian mendapati terdapat empat proses morfologi utama yang wujud dalam Bahasa Miriek ini, iaitu afiksasi, paradigma (*ablaut*), penggandaan dan pemajmukan. Kajian ini juga mendapati tiada imbuhan akhiran dalam bahasa tersebut. Analisis mendapati bahasa ini telah menyerap penggunaan perkataan Bahasa Melayu. Hasil daripada data analisis mendapati hanya terdapat awalan dan sisipan dalam Bahasa Miriek ini seperti {meN-}, {m-},

{n-}, {an-}, {be-}, {se-} dan {ta-} dan sisipan seperti {-aN-} dan serta tiada imbuhan akhiran. Pengkaji hanya berfokuskan kepada morfem terikat yang dipengaruhi atau dipinjam daripada Bahasa Melayu.

Awalan /m-/ adalah yang terdapat dalam Bahasa Miriek untuk menunjukkan perbuatan aktif dan transitif, sama fungsinya dengan awalan dalam Bahasa Melayu, iaitu /meN/. Contoh dapat dilihat seperti perkataan /mapan/ 'untuk mengambil sesuatu'; /makel/ 'untuk tidur'; /mada?/ 'untuk menghidu'; /minad/ 'untuk naik' dan /misep/ untuk 'menghisap'. Fonem /m-/ merupakan imbuhan awalan dalam perkataan tersebut dan bukan sebahagian daripada kata akar. Malah, imbuhan awalan /meN/ ditambah pada awalan /n-/ yang sedia ada seperti perkataan /meN + nudi?/ ~ /menudi?/ 'untuk memasak'; /meN + jabet/ ~ /mejabet/ 'menunggu', walaupun perkataan /nudi?/ dan /jabet/ merupakan perbuatan yang menerangkan tindakan aktif yang dilakukan oleh seseorang.

Kajian ini juga mendapati penutur golongan muda gemar menggunakan awalan {an-} untuk menerangkan sikap yang imperatif seperti perkataan / an-rumas / 'membersihkan', /an-nawar/ 'tawar!'; dan perkataan /an-manowh/ 'Ganggu (mereka)!'. Imbuhan awalan ini lebih kerap diserap dalam imbuhan akhiran Bahasa Melayu, iaitu /-kan/. Maka, generasi muda menggunakan /nawar-kan/ dan /manowh-kan/ kerana bersifat lebih umum dan imbuhan awalan {an-} tidak wujud dalam Bahasa Melayu. Imbuhan awalan {ta-} dalam Bahasa Miriek pula mungkin merupakan morfem pinjaman imbuhan {teR-} dalam Bahasa Melayu. Penggunaan imbuhan ini menunjukkan perbuatan atau tindakan yang tidak disengajakan, tidak disengajakan dan tidak dijangka. Contohnya, perkataan /ta-irat/ 'tidak sengaja dipotong' dan /tahatat/ 'tidak sengaja tarik'. Penggunaan imbuhan ini jelas menunjukkan ia merupakan morfem terikat daripada Bahasa Melayu. Terdapat juga morfem terikat sisipan {-am-} merupakan satu morfem bebas dan bukannya hasil daripada proses penyisipan.

Imbuhan sisipan {-an-} dalam kata Miriek menandakan bentuk pasif. Contohnya, perkataan /hurik/ 'basuh' ~ /han-urik/ 'dibasuh'; /hitan/ 'berhenti' ~ /h-an-tan/ 'dihentikan'; /helih/ 'jual'; ~ /hanelih/ 'dijual'; /hakil/ 'tidur' ~ /hanakel/ 'tertidur'; /surat/ 'tuliskan' ~ /senurat/ 'ditulis oleh'; /kamas 'kemas' ~ /k-en-amas / 'dikemas'. Imbuhan sisipan {-en-} hilang dan perkataan dalam Bahasa Miriek yang disisipkan seperti perkataan /nulis/ untuk /sənurat/ 'menulis', /kemas/ untuk /kenamas/ 'rapi', dan /ɲuraŋ/ untuk /kənuraŋ/ 'mengurangkan' yang lebih kerap digunakan oleh penutur tersebut.

Selain itu, Bahasa Miriek juga terdapat kata kerja aktif dan kata kerja pasif. Contohnya, kebanyakan informan memberi perkataan /mupo?/ bukan /hupo?/ 'hit' dan /mufer/ bukan /tufer / 'call'. Hal ini jelas menunjukkan fungsi paradigma ini telah hilang daripada bahasanya. Di samping itu, sikap tidak tahu oleh generasi muda terhadap kewujudan proses paradigma ini, golongan ini menggunakan awalan Bahasa Melayu, iaitu /meN-/ dan /di-/ kepada perkataan paradigma tersebut.

Dari aspek leksikon pula, Bahasa Bintulu berlakunya kepanjangan atau pengguguran bunyi, yang tidak wujud dalam bahasa ibundanya. Contoh, penggunaan perkataan dalam Bahasa Inggeris, iaitu *prize*, *book*, dan *two-teeth fish/puffer fish* yang diadaptasi dalam Bahasa Bintulu seperti /pəraes/, /bub/ dan ikan tutet/. Terdapat lapan istilah perkataan dalam Bahasa Bintulu yang hampir sama dengan Bahasa Melayu Standard. Dialek Melayu Sarawak juga diadaptasikan dalam bahasa ini seperti perkataan /belagu/ menjadi /bəlagu?/, dan /gago/ menjadi /gagaw/. Istilah perkataan Kuching pula masih dikekalkan dalam sebutan /Sərawə?/. Sebaliknya, Bahasa Miriek pula menerima pengaruh daripada Bahasa Melayu Standard, Dialek Melayu Sarawak dan Bahasa Melayu Brunei. Terdapat satu perkataan yang dipinjam dari istilah Bahasa Inggeris, iaitu /kitel/ 'kettle'.

Kesimpulannya, pengaruh Bahasa Melayu di Bintulu dan Miriek berlaku bukan sahaja pada peringkat sosial, peringkat linguistik juga turut terlibat. Pengaruh fonologi dalam

kalangan golongan muda gemar menggantikan fonem /v/, /ŋ/, dan /q/ dengan /b/, /n/, dan /k/ disebabkan Bahasa Melayu yang dominan. Bagi Bahasa Miriek pula, hanya generasi tua sahaja yang tahu tentang perkataan “Miriek” yang disebut sebagai /mirajʔ/. Penggunaan alofon dan diftong yang berlainan oleh generasi muda penutur Miriek telah berubah menjadi *monophthongs*.

2.4 Pendekatan atau kaedah pengumpulan data bagi kajian Morfologi

Kaedah-kaedah yang boleh digunakan di lapangan ialah kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kedua-dua kajian ini mempunyai kekuatan dan kekurangan kaedahnya. Kajian yang berbentuk kualitatif memanfaatkan maklumat secara terperinci serta mendalam ketika melakukan kerja lapangan. Namun, kajian ini agak terbatas kerana dijalankan dalam satu kawasan kecil yang melibatkan individu dalam kawasan kajian berkenaan sahaja. Manakala kajian berbentuk kuantitatif menggunakan analisis statistik kerana kajian ini lebih bersifat objektif dan berorientasikan kepada hasil. Reka bentuk kajian ini melibatkan kajian eksperimen, korelasi dan tinjauan. Namun, kajian ini agak terbatas kerana bergantung kepada hasil ke atas data pemboleh ubah yang diperoleh. Lazimnya, di lapangan kita menggunakan pelbagai kaedah seperti kaedah pemerhatian, temu bual, persampelan. Namun, dalam kajian ini, kaedah temu bual digunakan dalam proses mengutip data bagi data korpus, iaitu Kamus Bahasa Miriek daripada aplikasi *WeSay 1.5.45*.: Norazuna Norahim (t.t).

2.5 Pendekatan kajian Morfologi

Terdapat lima pendekatan atau aliran kajian morfologi, iaitu aliran tatabahasa struktural Nida, aliran struktural-taksonomi Amerika, aliran sistemik London, aliran fungsional, dan aliran Transformasi Generatif Chomsky. Aliran struktural-taksonomi Amerika dipelopori oleh Bloomfield memperlihatkan struktur bahasa berdasarkan sifat empiris, bukannya

rasionalistik. Aliran sistemik London pula dipelopori oleh J. R. Firth yang meneliti kelakuan berbahasa seseorang penutur apabila melakukan sesuatu ujaran. Penerapan idea paradigmatic dan syntagmatic digunakan dalam aspek leksikal, fonologi dan sintaksis. Aliran fungsional dipelopori Kenneth L. Pike yang berfokuskan kepada tagmem (tagmeme). Berlakunya hubung kait antara gatra fungsional dan kategori unsur yang mengisinya. Aliran Transformasi Generatif pula dipelopori oleh Noam Chomsky. Aliran ini memberi tumpuan kepada nahu yang dilihat daripada struktur permukaan ayat.

Dalam perenggan seterusnya, pendekatan yang digunakan dalam kajian ini akan diuraikan dengan terperinci. Kajian ini telah menggunakan Teori Tatabahasa Struktural. Teori ini dipilih disebabkan oleh konsep asas dan rumus untuk menganalisis tahap tatabahasa dari segi morfem, kata, frasa, klausa dan juga ayat. Pemilihan teori ini dibuat berdasarkan Teori Tatabahasa Struktural yang dipelopori oleh E. A. Nida (1949). Konsep dan prosedur kajian morfologi telah menyatakan sesuatu bahasa perlu disegmenkan kepada morf. Hal ini demikian kerana prinsip setiap morf tersebut mempunyai makna atau fungsi tatabahasa sendiri. Prinsip kontras pasangan terkecil digunakan dalam memastikan setiap morf tersebut bertaraf morfem.

Dalam kajian ini, kata berimbuhan dikenal pasti melalui kaedah pemenggalan (segmentation) untuk mencari morfem bebas dan morfem terikat. Hipotesis dilakukan dengan melihat kekerapan berdasarkan beberapa contoh dalam penggunaan ayat. Hal ini dilakukan bagi mengenal pasti bentuk yang berlaku secara berulang-ulang (recurrence of form).

Dalam teori tatabahasa struktural, Nida telah membahaskan bentuk kata serta fungsi perubahan bentuk kata tersebut dari segi fungsi morfologi mahupun semantik. Beliau telah menggunakan simbol dalam lambang kurungan / / bagi rentetan bunyi yang telah disegmenkan. Morfem pula menggunakan lambang kurungan { } dan fungsi tatabahasa

morfem dilambangkan dalam kurungan ' '.

Bentuk-bentuk alomorf *mem-*, *men-*, *meny-*, *meng-*, *menge-*, dan *me-* merupakan asal dari morfem *MeN-* tersebut. Begitu juga dengan *ber-*, *be-* dan *bel-* merupakan alomorf kepada morfem *ber-*. Contoh dapat dilihat dengan jelas mengenai morfem {*ber-*} dan {*jalan*}. Morfem {*ber-*} mempunyai makna tatabahasa 'perbuatan sendiri', manakala morfem {*jalan*} mempunyai fungsi 'tempat laluan'. Oleh itu, morfem {*ber-*} mempunyai fungsi tatabahasa kerana apabila ia diimbuhkan dengan perkataan /*telur*/, /*bunga*/ dan /*peluh*/, maka kata nama ini berubah fungsinya menjadi kata kerja. Imbuhan tersebut boleh diletakkan di depan, belakang, atau disisipkan dalam bentuk kata dasar. Setiap imbuhan tersebut dikenali sebagai imbuhan awalan, akhiran, apitan dan sisipan.

Nida juga ada menyatakan pengimbuhan boleh berlaku dalam beberapa lapis. Pengimbuhan selapis berlaku apabila kata dasarnya bukan hasil terbitan seperti perkataan *seorang* (*se* + *orang*). Apabila kata dasar sudah mengalami selapis pengimbuhan seperti *keseorangan*, maka pengimbuhan dua lapis berlaku. Begitu juga dengan pengimbuhan tiga lapis misalnya *berkeseorangan* (*ber* + *keseorangan*) yang kata dasarnya mengalami dua kali pengimbuhan. Deretan morfologi juga memainkan peranan penting dalam penentuan sesuatu morfem tersebut seperti kata *berperkemanusiaan* yang menerima imbuhan kata yang terdiri daripada empat morfem, iaitu *ber-*, *peri*, *ke-...-an*, dan *manusia*.

Nida juga telah memperkenalkan prinsip bagi mengenal pasti dan mengenal pasti morfem, iaitu enam prinsip menganalisis morfologi dengan menganalisis ungkapan dan prinsip-prinsip dalam mengenal pasti morfem. Pada peringkat permulaan, ungkapan dianalisis bagi mensegmen sesuatu ungkapan kepada morf, seterusnya menganalisis ungkapan tersebut kepada morfem dengan memotong-motong menjadi kecil. Kaedah yang digunakan ialah rakaman suara sesuatu ungkapan dalam bentuk penceritaan atau perbualan dan diterjemahkan dalam bentuk ejaan biasa bagi memudahkan proses menganalisis. Setiap

terjemahan itu dipotong mengikut segmen yang mempunyai makna atau fungsi tatabahasa, manakala bentuk-bentuk yang dihasilkan dengan mensegmen itu dikenali sebagai morf.

Dalam konteks kajian ini, contoh ayat dalam bentuk mudah digunakan. Hal ini menunjukkan bahawa kaedah deskriptif struktural dan teori tatabahasa struktural hanya berfungsi dalam bidang tatabahasa masyarakat bahasa. Nida berpendapat bahawa tatabahasa struktural yang digunakan perlu mengikut enam prinsip menganalisis morfologi bagi mengenal pasti dan menganalisis morfem tersebut. Penyusunan enam prinsip ini penting dan sesuai bagi mengkaji struktur perkataan Bahasa Miriek dengan menggunakan kaedah deskriptif struktur. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak menggunakan kesemua prinsip dalam kajian ini disebabkan oleh bukan semua prinsip tersebut wujud dalam Bahasa Miriek ini.

2.6 Ringkasan

Bahagian ini meninjau kajian-kajian lepas yang membincangkan proses-proses morfologi dengan tumpuan kepada aspek pengimbuhan kata. Kebanyakan proses-proses morfologi yang ada pada bahasa-bahasa yang dikaji seperti Bahasa Tutong, Belait dan Iban mempunyai imbuhan derivasi. Namun, Dialek Melayu Sarawak mempunyai imbuhan derivasi dan infleksi yang agak produktif. Dapat dirumuskan kedua-dua jenis imbuhan derivasi dan infleksi produktif banyak dalam bahasa-bahasa tempatan di Sarawak berbanding bahasa-bahasa di Brunei. Dalam Bahasa Miriek, kedua-duanya kelihatan agak produktif tetapi dalam bahasa lain, khususnya bahasa serumpun dengannya mungkin tidak.

Bab yang seterusnya menerangkan dengan lebih terperinci tentang kaedah yang diguna pakai dalam kajian ini bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

BAB 3


METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bahagian ini menjelaskan tentang metodologi kajian ini. Reka bentuk kajian, populasi dan persampelan, instrumen, kaedah pengumpulan data, kaedah penganalisan data, dan batasan kajian turut disertakan dalam bab ini.

3.2 Reka bentuk kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk deskriptif. Reka bentuk kajian dijadikan panduan membantu pengkaji dalam proses mengutip data, membuat hipotesis, dan menganalisis data kajian daripada lapangan. Sarjit Singh dan Zahid Emby (2010) dalam Jamilah Bebe (2016) menyatakan pendekatan kualitatif yang diterapkan dalam sesuatu kajian bertujuan mentafsir dan mengupas fenomena sosial yang berlaku dalam kehidupan manusia dan masyarakat. Memandangkan kajian ini kajian fundamental, maka kaedah kualitatif bersesuaian dengan matlamatnya. Dalam kajian ini, data diperolehi melalui data korpus Kamus Bahasa Miriek, temu bual dan rakaman suara. Kerangka kajian dirumuskan dalam carta alir berikut:



Rajah 3.2.1: Carta Alir proses kerangka kajian fundamental

Berdasarkan Rajah 3.2.1, kajian ini merupakan kajian fundamental yang menggunakan kaedah kualitatif. Dalam kajian ini, data diperolehi melalui data korpus Kamus Bahasa Miriek sebanyak 1236 kosa kata sebagai data primer. Manakala persampelan dilakukan terhadap 15 orang informan dari 2 buah perkampungan orang Miriek, iaitu Kampung Bakam dan Kampung Pujut di Miri, Sarawak bagi proses mengumpul data korpus melalui kaedah temu bual dan rakaman suara. Kajian ini melakukan hipotesis berdasarkan penerapan Teori Tatabahasa Struktural Nida (1949) bagi melihat kekerapan melalui beberapa contoh dalam penggunaan ayat untuk mengenal pasti bentuk yang berlaku secara berulang-ulang (recurrence of form). Hal ini bertujuan bagi menerangkan proses, langkah dan sebab sesuatu proses pengimbuhan kata itu berlaku, di samping menjawab persoalan berkaitan “kenapa” dan “bagaimana”.

3.3 Data korpus dan persampelan

Kajian ini memanfaatkan data korpus *Kamus Bahasa Miriek* (Norazuna, 2017). Data ini dikumpul daripada 15 orang informan yang terdiri daripada 2 buah perkampungan orang,

iaitu Kampung Pujut dan Kampung Bakam di Miri, Sarawak. Kampung Bakam dipilih disebabkan penempatan ini berada di pendalaman bagi mengutip data yang mengekalkan keaslian dalam bahasa ini. Manakala Kampung Pujut pula berada di persekitaran bandaraya Miri. Penutur di sini sudah bercampur dengan kaum etnik lain. Kedua-dua kampung ini menuturkan variasi bahasanya tersendiri tetapi hanya perbezaan sedikit dari segi leksikal. Cara sebutan sesuatu perkataan itu sahaja yang membezakan dua variasi ini.

Informan yang dipilih seorang yang fasih bertutur Bahasa Miriek dan tinggal di perkampungan orang Miriek. Bahasa bukan sahaja penggambaran budaya, tetapi juga merupakan pemetaan psikobudaya minda penutur dari segi sistem bahasanya (Asmah Haji Omar, 2007). Oleh itu, informan juga harus terdiri daripada penutur yang dibesarkan dalam komunitinya sahaja kerana mereka mengetahui akan asal usul adat resam, bahasa dan budayanya. Berikut antara ciri-ciri informan untuk kajian ini:

- i. Faktor umur
- ii. Tahap penguasaan bahasa informan
- iii. Keadaan organ pertuturan informan
- iv. Sikap informan terhadap pengkajian
- v. Pengetahuan informan tentang budaya komunitinya

3.4 Instrumen

Tiga instrumen yang telah digunakan dalam kajian ini, iaitu temu bual, data korpus, dan perakam suara. Instrumen-instrumen ini dihuraikan seperti berikut:

3.4.1 Data korpus

Kajian ini memanfaatkan 1236 kosa kata di dalam aplikasi *WeSay 1.5.45*.: Norazuna Norahim (t.t). Kosa kata dalam bahasa ini telah dibahagikan kepada kelas kata yang

terdiri daripada tiga kelas kata utama, iaitu kata nama (KN), kata kerja (KK) dan kata adjektif (KA) serta kata tugas.

Kosa kata ini disusun berdasarkan abjad beserta dengan contoh penggunaan perkataan dalam bentuk ayat mudah. Dalam aplikasi ini juga, terdapat kategori kata, contoh ayat, ejaan dalam bentuk fonetik (IPA), dan sebutan dalam bentuk audio. Pengkaji memanfaatkan kesemua data tersebut untuk meneliti jenis golongan kata.

Instrumen pertama yang digunakan oleh pengkaji ini bertujuan untuk meneliti rakaman temu bual bersama informan. Dalam kamus ini semua aspek asas linguistik telah sedia ada seperti golongan kata, cara penyebutan kata dan ayat dan contoh penggunaan kata dalam ayat dan makna asas sesuatu entri atau kata. Pengkaji hanya mengenal pasti setiap perkataan, iaitu kata dasar dan kata akar melalui kaedah pemenggalan segmen kata dan menyusun matlumat dalam bentuk jadual.

3.4.2 Perakam suara

Tujuan penggunaan alat ini adalah untuk merekod perbualan dengan informan, dan menyemak segala maklumat yang telah diberikan oleh informan tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji telah mendengar semula setiap rakaman tersebut untuk mengetahui suasana ketika proses menemu bual bersama informan serta permasalahan yang dihadapi ketika proses tersebut sedang dijalankan.

3.4.3 Temu bual

Proses temu bual ini dijalankan ke atas informan yang dipilih dalam kalangan golongan tua di Kampung Pujut dan di Kampung Bakam, Miri. Sesi temu bual ini melibatkan lima belas informan dari kedua-kedua buah perkampungan Miriek tersebut. Informan ditemu bual secara bersemuka berpandukan soalan

semi-berstruktur. Dengan menggunakan teknik ini, pengkaji dapat mengubah soalan yang ingin dikemukakan berdasarkan kesesuaian dan keperluan semasa sesi temuduga. Proses temu bual ini dirakam dan direkodkan untuk dijadikan rujukan semasa menganalisis data. Setelah itu, perbualan tersebut diterjemahkan dalam bentuk ayat mudah dan dianalisis untuk mendapatkan imbuhan kata yang digunakan mengikut konteks ayat dalam Bahasa Miriek.

3.5 Kaedah pengumpulan data

Metodologi kajian ini memanfaatkan kaedah penyelidikan lapangan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah rakaman suara, temu bual dan data korpus sebagai instrumen kajian. Dalam kajian ini, data primer yang digunakan diperolehi daripada data korpus, iaitu Kamus Bahasa Miriek (t.t) untuk mencapai objektif pertama. Pada peringkat awal, penerapan Teori Tatabahasa Struktural Nida (1949) telah diguna pakai bagi memudahkan pengkaji mengenal pasti kata akar dan kata dasar dalam Bahasa Miriek.

Untuk mencapai objektif kajian kedua, ketiga dan keempat, kaedah rakaman suara dan temu bual telah digunakan. Setiap sesi temu bual yang dijalankan mengambil masa bergantung kepada tindak balas informan tersebut. Temu bual yang dilakukan ke atas informan dijalankan secara bebas, sekali dalam tempoh tiga hari bagi kutipan data yang pertama. Hal ini demikian kerana kerja lapangan memerlukan tempoh yang sesuai bagi mendapat kesahihan data kajian daripada penutur jati orang Miriek tersebut. Semasa temu bual dijalankan, pengkaji telah memberi satu situasi kepada informan seperti “Macam mana basuh? Tolong bagi ayatnya”. Maka, informan pun berujar mengikut situasi tentang penggunaan sesuatu perkataan tersebut dalam ayat. Dalam data rakaman, penggunaan istilah linguistik atau istilah akademik dikurangkan untuk memudahkan pemahaman informan terhadap soalan yang diajukan. Setiap perkataan dalam Bahasa Miriek dikategorikan

mengikut jenis kategori kata utama dan kata tugas masing-masing. Setelah itu, jenis imbuhan dikenal pasti untuk menerbitkan pelbagai jenis kata sama ada dalam bentuk derivasi ataupun infleksi. Seterusnya, fungsi setiap imbuhan yang dikenal pasti dihuraikan secara terperinci beserta dengan contoh ayat mudah.

Selain data primer, data kajian ini juga memanfaatkan data sumber sekunder. Tujuan data sekunder digunakan adalah untuk memahami permasalahan dalam kajian ini. Antara kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah melalui kaedah kepustakaan bagi merujuk bahan rujukan seperti jurnal dan buku yang diperolehi di dalam CAIS, Unimas dan Perpustakaan Muzium Kuching Sarawak. CAIS dan Perpustakaan Muzium Kuching Sarawak telah menyediakan beberapa kemudahan asas seperti kemudahan kaunter pertanyaan dan kemudahan komputer untuk mengakses Internet bagi memudahkan pencarian mengenai maklumat jurnal tentang aspek kata terbitan dalam bidang morfologi dan etnografi masyarakat Miriek. Antara laman sesawang yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan ialah *Google Scholar* manakala *CAIS OneSearch*, *Unimas* untuk pengkaji mencari buku-buku rujukan yang berkaitan.

3.6 Kaedah penganalisisan data

Penganalisisan data kajian dilakukan dalam dua peringkat. Pada peringkat pertama, pengkaji perlu terlebih dahulu mengenal pasti kata berimbuhan melalui kaedah pemenggalan (segmentation) untuk mencari morfem bebas dan morfem terikat. Kaedah ini bertujuan melihat unsur bahasa yang wujud antara satu dengan lain. Asmah (2015: 121) menyatakan kebanyakan bahasa pada amnya mempunyai dua jenis bentuk, iaitu:

- (1) Yang tidak dapat dipecah-pecahkan lagi kepada morf-morf yang lebih kecil
- (2) Yang nyata ada bahagian-bahagian yang terdiri daripada dua morf atau lebih

Dapatan disenaraikan dalam bentuk jadual. Hipotesis dilakukan bagi melihat kekerapan berdasarkan beberapa contoh dalam penggunaan ayat untuk mengenal pasti bentuk yang berlaku secara berulang-ulang (recurrence of form). Setelah itu, data diterapkan dengan kerangka teori Tatabahasa Struktural Nida (1949). Pengkategorian bentuk-bentuk itu dilakukan berdasarkan golongan masing-masing yang mempunyai persamaan diantaranya.

Pada peringkat kedua pula, pengkaji meneliti contoh penggunaan perkataan dalam ayat bagi menentukan morfem dan memisahkan imbuhan. Seterusnya, fungsi setiap imbuhan dikenal pasti sama ada kala lepas mahupun kala kini. Analisis proses pengimbuhan dilakukan mengikut bentuk derivasi (perubahan kelas kata) dan bentuk infleksi (yang membawa fungsi tatabahasa). Penganalisisan data dihuraikan secara terperinci berdasarkan proses derivasi dan proses infleksi. Proses derivasi ialah proses perimbuhanan kata yang menghasilkan kata terbitan dan mengubah kategori kata. Proses infleksi pula merupakan proses pengimbuhan kata yang membawa fungsi tatabahasa. Penambahan morf atau imbuhan tertentu tidak mengubah kategori kata. Contoh analisis data adalah seperti berikut.

Jadual 3.6.1 Contoh analisis proses derivasi dan proses infleksi

Contoh 1	Dem [buat] - (KK) → Seredem [tukang buat] - (KN) = Proses Derivasi Dem [buat] - (KK) → Medem [membuat] - (KKT aktif) = Proses Infleksi
Contoh 2	Kelukus - [kukus] - (KKTT) - sisipan {-el-} ↓ Kemukus - [mengukus] - (KKT aktif) - sisipan {-em-} → Proses infleksi ↓ Kenukus [dikukus] - (KK transitif pasif) - sisipan {-en-}

Rumusan penganalisisan pengimbuhan kata menggunakan pendekatan tatabahasa struktural adalah seperti berikut :

Jadual 3.6.2 Rumusan Pendekatan Tatabahasa Struktural

Peringkat Pertama	Peringkat Kedua
Mengenal pasti kata berimbuhan melalui kaedah pemenggalan (segmentation) untuk mencari morfem bebas dan morfem terikat	Meneliti contoh penggunaan perkataan dalam ayat bagi menentukan morfem dan memisahkan imbuhan
Menyenaraikan dapatan dalam bentuk jadual	Mengenal pasti fungsi setiap imbuhan sama ada kala lepas mahupun kala kini
Hipotesis dilakukan bagi melihat kekerapan berdasarkan beberapa contoh dalam penggunaan ayat untuk mengenal pasti bentuk yang berlaku secara berulang-ulang (recurrence of form)	Analisis proses pengimbuhan mengikut bentuk derivasi (perubahan kelas kata) dan infleksi (sifat kala)
Data diterapkan dengan kerangka teori Tatabahasa Struktural Nida 1949	Penganalisan data dihuraikan secara terperinci
Mengkategorikan bentuk-bentuk itu ke dalam golongan masing-masing berdasarkan persamaan antaranya	

(Sumber: Diadaptasi dari Nida, 1970)

3.7 Batasan kajian

Kajian ini hanya memfokuskan penerbitan kata dalam Bahasa Miriek melalui proses pengimbuhan dari aspek morfologi sahaja. Proses morfologi yang lain seperti proses pemajmukan, pembentukan kata, dan penggandaan tidak dikaji kerana batasan masa.

Selain itu, ada kata yang sukar ditentukan akar katanya. Proses pengimbuhan tidak tipikal seperti yang terdapat dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Iban. Beberapa kata akarnya yang tidak dapat dipisahkan dengan imbuhan. Misalnya perkataan “Umin” (makan) bertujuan untuk bertanya sahaja. Perkataan “Neba’ang” (makanan) tetapi {ne-} merupakan

imbuhan menerbitkan kata nama. Perkataan “Bi’ang” (dimakan) pula menyatakan kata kerja transitif pasif manakala “Tukay umin” (diberi makan) menunjukkan perbuatan memberi makan itu sedang berlaku atau sudah berlaku. Menurut informan, kata akarnya bukanlah “ang” kerana ia tidak membawa sebarang makna. Setiap perkataan digunakan seperti dalam bentuknya dalam beberapa contoh ayat.

Contoh 1: Nyih tirauk **umin** nek? (Dia sudah makan?)

Contoh 2: Koi dey **neba'ang**. (Saya buat makanan)

Contoh 3: Abik matai a'al koi **bi'ang** a'uu. (Habis mati ayam saya dimakan oleh anjing)

Contoh 4: Tirauk **tukay umin** using auh. (Kucing awak sudah diberi makan)

Begitu juga dengan proses paradigma yang sukar ditentukan kata akarnya. Perubahan bunyi hanya berlaku pada vokal /u/, /e/, dan /i/ sahaja. Setiap perkataan seperti contoh di bawah tidak boleh disegmenkan lagi dalam unit terkecil, malah perkataan tersebut boleh berdiri sendiri dan juga mendukung makna.

Contoh: (a) **Husaid** (memicit); **Hesaid** (terpicit); **Hisaid** (dipicit)

(b) **Teppaik** (pecah); **Tuppaik** (memecah); **Tippaik** (dipecahkan)

(c) **Jukan** (melarang); **Jikan** (dilarang)

(d) **Gutong** (baling); **Gitong** (dibaling)

BAB 4

HASIL DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, aspek pengimbuhan kata dilihat dalam Bahasa Miriek sebagai unit nahu. Dengan itu, dalam mengkaji perimbuhan kata sesuatu bahasa, fokus utama ialah kata akar dan kata dasar, jenis kata, jenis imbuhan kata serta fungsi setiap jenis imbuhan yang telah dikenal pasti. Dalam istilah linguistik, pengimbuhan kata dikenali sebagai salah satu bidang morfologi.

4.2 Kata akar dan kata dasar

Penerbitan kata dalam Bahasa Miriek terdiri daripada dua struktur, iaitu: (1) kata akar; dan (2) kata dasar. Bagi menentukan kata akar atau kata dasar sesuatu perkataan, pengkaji menggunakan Teori Tatabahasa Struktural yang dipelopori oleh Nida (1949). Setiap perkataan disegmenkan kepada morfem supaya mempermudah kerja-kerja pengasingan sesuatu perkataan itu dengan jenis imbuhan. Morfem merupakan unsur terkecil dalam morfologi yang mempunyai makna. Ada 2 jenis morfem, iaitu morfem bebas (kata) dan morfem terikat (imbuhan, morf).

Dalam kajian ini, pengimbuhan boleh berlaku dalam beberapa lapis. Jadual 4.2.1 menunjukkan proses pengimbuhan yang berlaku dalam Bahasa Miriek.

Jadual 4.2.1 Proses pengimbuhan dalam Bahasa Miriek

No	Contoh Kata	Kata Akar	Kata Dasar	Proses pengimbuhan
1	Semesap (peminum) – KN –orang yang kuat minum Haresap (memberi minum) - KK aktif Nesap (diminum) - KK (pasif)	Sap (minuman) – KN	Mesap (minum) - KK tak transitif (perbuatan)	2 lapis
5	Seha'id (sering mengosok-gosok) - Kata sifat Ma'id (Sedang mengosok-mengosok) - KK aktif (perbuatan)	A'id (Mengosok-gosok badan; untuk binatang) - Kata sifat	Ha'id (Sedang lap/gosok) - KKTT	2 lapis
6	Hanakel (ditidurkan) - KK pasif	Makel - (tidur) - KKTT	Hakel (menidurkan) - KK (aktif)	2 lapis
7	Tenafel (ditampal) - KK (pasif)	Tafel (kain untuk menampal) - KN	Nafel (menampal) - KK (aktif)	2 lapis
2	Sesahait (berpenyakit) - KA Mahait (sedang sakit) - KK	Sahait (sakit) - KA (keadaan)	Sahait (sakit) - KA	Selapis
3	Hanatok (Orang yang beri mandi) - KN Matok (Mandi) - KK	Hatok (Orang yang memandi) - KN	Hatok (Orang yang memandi) - KN	Selapis
4	Hanilaik (dipilih) - KK (pasif) Milaik (pilih) - KKTT	Ilaik (Pilihan) - KN	Ilaik (Pilihan) - KN	Selapis
8	Hanurauk (disuruh) - KK (pasif) Sehurauk (tukang suruh) - KN	Hurauk (suruh) - KKTT	Hurauk (suruh) - KKTT	Selapis

9	Hanelih (dijual) - KK pasif	Helih (jual) - KKTT	Helih (jual) - KKTT	Selapis
10	Nahalauk (pakaian) - KN	Halauk (memakaikan pakaian) - KK aktif	Halauk (memakaikan pakaian) - KK aktif	Selapis
11	Melahau (berjalan) - KKTT Selahau (kaki jalan) - KN	Lahau (jalan) - KKTT	Lahau (jalan) - KKTT	Selapis
12	Hanasak (sudah dimasak) - KK pasif	Asak (masak/memasak) - KK aktif	Asak (masak/memasak) - KK aktif	Selapis
13	Tanuran (dicakapkan) - KK pasif Saturan (kuat bercakap) - KA	Turan (cakap) - KKTT	Turan (cakap) - KKTT	Selapis
14	Merubet (meleter) - KK (aktif) Narubet (dileterkan) - KK (pasif) Serubet (kuat berleter) - Kata sifat	Rubet-rubet (KK ganda)	Rubet-rubet (KK ganda)	Selapis
15	Hulon (menghidupkan) - KK aktif	Ulon (hidup) - KN	Ulon (hidup) - KN	Selapis
16	Merasun (meracun) - KK (aktif) Harasun (sudah meracun) - KK (aktif) Nerasun (diracun) - KK (pasif)	Rasun (racun) - KN	Rasun (racun) - KN	Selapis
17	Seredem (tukang buat) - KN Medem (membuat) - KK (aktif)	Dem (buat) - KKTT	Dem (buat) - KKTT	Selapis
18	Gemarauih (menggaru) - KK (aktif)	Garauh (garu) - KKTT	Garauh (garu) - KKTT	Selapis
19	Gemukuk (mengetuk) - KK (aktif)	Gukuk (ketuk) - KKTT	Gukuk (ketuk) - KKTT	Selapis

20	Halatak (kena langgar) - KKTT Nelatak (dilanggar) - KK (pasif)	Latak (langgar) - KKTT	Latak (langgar) - KKTT	Selapis
21	Hupok (pukul) - KKTT Mupok (memukul) - KK (aktif) Hipok (kena pukul) - KKTT	Pok (pemukul gong) - KN	Pok (pemukul gong) - KN	Selapis

Berdasarkan jadual di atas, pengimbuhan selapis berlaku apabila dasarnya bukan hasil terbitan, sebagai contoh perkataan “sesahait” (se + sahait); “nahalauk” (na + halauk); “melahau” (me + lahou); “merubet” (me + rubet); “merasun” (me + rasun); “halatak” (ha + latak); dan “hupok” (hu + pok). Pengimbuhan dua lapis berlaku apabila dasarnya sudah mengalami selapis pengimbuhan, seperti perkataan berikut.

- a) “semesap” ~ “mesap” ~ “sap”
- b) “seha'id” ~ “ha'id” ~ “a'id”
- c) “hanakel” ~ “hakel” ~ “makel”
- d) “tenafel” ~ “nafel” ~ “tafel”].

Dalam kajian ini, didapati tiada pengimbuhan tiga lapis mahupun lebih daripada tiga lapis.

Dalam Bahasa Miriek, terdapat juga kata terbitan yang sukar ditentukan kata akarnya. Proses pengimbuhan tidak tipikal seperti dalam BM atau Bahasa Iban. Kajian ini mendapati terdapat akar katanya yang tidak dapat dipisahkan dengan imbuhan. Misalnya, perkataan “bi'ang”; akarnya bukanlah “ang” kerana tiada mendukung sebarang makna seperti contoh yang diberi:

- “Umin” – (makan) - tujuan untuk bertanya sahaja
- “Neba’ang” – (makanan) tetapi {ne-} imbuhan menerbitkan KN
- “Bi’ang” – (dimakan) - KK transitif pasif
- “Tukay umin” – (diberi makan) - perbuatan

Penggunaan setiap kata dapat dilihat seperti dalam bentuknya dalam beberapa contoh ayat

(Lihat Lampiran A).

Contoh 1: Nyih tirauk **umin** nek? (Dia sudah makan?)

Contoh 2: Koi dey **neba’ang**. (Saya buat makanan)

Contoh 3: Abik matai a'al koi **bi’ang** a'uu. (Habis mati ayam saya dimakan oleh anjing)

Contoh 4: Tirauk **tukay umin** using auh. (Kucing awak sudah diberi makan)

Terdapat juga kata yang sukar ditentukan akarnya disebabkan oleh hanya berlaku perubahan pada bunyi vokal sahaja melalui paradigma (ablaut). Perubahan bunyi hanya berlaku pada vokal /u/, /e/, dan /i/ sahaja. Selain pengimbuhan, proses morfologi yang lain seperti penggandaan, paradigma (ablaut) dan morfofonemik juga terdapat dalam bahasa ini. Namun, proses-proses ini diteliti secara umum sahaja.

Setiap perkataan seperti contoh di bawah tidak boleh disegmenkan lagi dalam unit terkecil, malah perkataan tersebut boleh berdiri sendiri dan juga mendukung makna.

Contoh 1: Husaid (memicit); Hesaid (terpicit); Hisaid (dipicit)

Contoh 2: Teppaik (pecah); Tuppaik (memecah); Tippaik (dipecahkan)

Contoh 3: Jukan (melarang); Jikan (dilarang)

Contoh 4: Gutong (baling); Gitong (dibaling)

Aspek morfofonemik juga didapati dalam bahasa ini. Pentakrifan morfofonemik sebagai perubahan morfem dengan wujudnya perubahan fonem yang berlaku disebabkan oleh proses morfologi (Samsuri, 1978 dalam Dahlan Kadjia *et. al*, 1998: 7-8). Proses ini wujud dalam Bahasa Miriek yang telah mengubah suatu fonem dengan fonem yang lain pada awal fonem atau fonem yang mendahuluinya. Contoh morfofonemik dalam Bahasa Miriek berlaku pada fonem awal /m/, /h/ dan /n/ seperti di bawah:

- i. Mullah (tanam)
- ii. Nahullah (tanaman)
- iii. Hanullah (sudah ditanam)

4.3 Pengkategorian Jenis Kata Bahasa Miriek

Dalam bahagian ini turut dibincangkan pengkategorian jenis kata, iaitu: (i) kategori kata utama dan (ii) kategori kata tugas. Kategori kata utama termasuklah KN, KK dan KA. Berikut ini dikemukakan golongan kata nama yang boleh dikelompokkan berdasarkan ciri-ciri makna perkataan kepada (i) KN am dan (ii) KGN. Jadual 4.3.1 menunjukkan penggolongan kata nama secara terperinci (Lihat Lampiran A). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, pengkaji hanya menyenaraikan beberapa kata adjektif seperti yang terdapat dalam Jadual 4.3.1.

Jadual 4.3.1: Kategori kata nama Bahasa Miriek

Kategori Kata Nama	Contoh Perkataan
Kata Nama Am	A'al (ayam)
Kata Nama Am	A'ang (lampu)
Kata Nama Am	A'in (kain)
Kata Nama Am	Bannah (suami)

Kata Nama Am	Jabih (muka)
Kata Nama Am	Tadung (tandas)
Kata Nama Am	Tefuh (tebu)
Kata Nama Am	Ubbak Masak (dapur)
Kata Nama Am	Ujet (sayur)
Kata Nama Am	Useng (kucing)
Kata Nama Am	Ayam (cucu)
Kata Nama Am	Bettai (betis)
KGND 1	Koi (saya)
KGND 1	Itai (kita)
KGND 2	Auh/Paden (awak)
KGND 3	Lauh (mereka)
KGND 3	Nyih (dia)
KGND 3	Lauh/loh (mereka)
KGND tunjuk	Yen (itu)
KGND tunjuk	Itoi (ini)

4.3.1 Kata Nama

Sejumlah perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa nama yang merujuk kepada orang, haiwan, tempat, benda atau konsep.

4.3.1.1 Kata Nama Am

Kata nama am ialah perkataan yang merujuk benda atau perkara yang umum sifatnya.

4.3.2.1 Kata Ganti Nama

Kata ganti nama dibahagikan kepada dua, iaitu: (i) KGN tunjuk dan (ii) KGND. KGN tunjuk ialah perkataan yang menjadi pengganti KN dan mendukung maksud menunjukkan benda atau perkara yang dirujuk itu. Terdapat dua, iaitu “yen” (itu) untuk menunjukkan pada yang jauh dan “itoi” (ini) untuk menunjukkan pada yang dekat. KGND pula terdiri daripada KGND orang pertama, KGND orang kedua, dan KGND orang ketiga seperti dalam Jadual 4.2.

4.3.2 Kata Kerja

Kategori kata utama seterusnya ialah kata kerja. Kata kerja boleh disertai beberapa unsur lain seperti kata bantu, objek, pelengkap, ayat komplemen, dan keterangan. Beberapa contoh adalah seperti berikut (**Lihat Lampiran A**). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, pengkaji hanya menyenaraikan beberapa kata kerja seperti yang terdapat dalam Jadual 4.3.2.

Jadual 4.3.2: Kategori kata kerja Bahasa Miriek

Kategori Kata Kerja	Contoh Perkataan
KKTT tanpa pelengkap	Begallep (bergurau)
KKTT tanpa pelengkap	Ayun (bergoyang)
KKTT tanpa pelengkap	Belajer (belajar)
KKTT tanpa pelengkap	Eget (ikat)
KKTT tanpa pelengkap	Berlaguk (nyanyi)
KKTT berpelengkap	Apan (ambil)
KKTT berpelengkap	Behaddih (bertanam padi)
KKTT berpelengkap	Belumek (berlumba)
KKTT berpelengkap	Gakeik/Gakek (bangun)
KKTT berpelengkap	Gutong (baling)

KK transitif aktif	Ma'id (mengosok-gosok/mengelap)
KK transitif aktif	Hakel (menidurkan)
KK transitif aktif	Nafel (menampal)
KK transitif aktif	Melieh/Melih (membeli)
KK transitif aktif	Asak (masak/memasak)
KK transitif pasif	Bi'ang (dimakan)
KK transitif pasif	Penasang (dipasang)
KK transitif pasif	Hanilaik (dipilih)
KK transitif pasif	Tenafel (ditampal)
KK transitif pasif	Hanurauk (disuruh)

Berdasarkan Jadual 4.3, kata kerja boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama, iaitu: (i) kata kerja tak transitif (tanpa pelengkap, berpelengkap) dan (ii) kata kerja transitif (aktif, pasif).

4.3.2.1 Kata kerja tak transitif

Kata kerja tak transitif ialah kata kerja yang tidak memerlukan penyambut atau objek sesudahnya.

a) Kata kerja tak transitif tanpa pelengkap

Boleh berdiri sendiri tanpa objek atau penyambut, iaitu tanpa pergantungan pada unsur-unsur lain untuk melengkapkan makna atau maksud ayat. Contoh dalam ayat:

- 1) Belui **begallep** mujjang (salah bergurau, marah)
- 2) Bek bu war yen **ayun-ayun** (Buah di atas pokok itu bergoyang-goyang)
- 3) Maria taddik **belajer** (Maria sedang belajar)

- 4) **Eget** tallih yen mallah-mallah (ikat tali itu kuat-kuat)
- 5) Jek unyi suarak turai yen **berlaguk** (merdu sungguh suara perempuan itu bernyanyi)

b) Kata kerja tak transitif berpelengkap

Diikuti oleh pelengkap yang hadir selepas kata kerja tak transitif untuk menyempurnakan maksud ayat. Ayat yang mengandungi pelengkap tidak boleh dipasifkan. Contoh dalam ayat:

- 1) **Apan** ain burat dien innak alim lamari (ambil kain di lantai di situ, simpan dalam almari)
- 2) Ulon koi **berhaddih** esauk mullon (hidup aku bertanam padi untuk hidup)
- 3) Anak koi bayek **belumek** sarabet (anak saya berlumba lari)
- 4) **Gakek** nyama mantauk; wak yen malaok nahalauk (bangun pagi mandi; lepas mandi pakai pakaian)
- 5) Izal **gutong** bol menah jabbih nobayek nyih (Izal baling bola terkena muka kawannya)

4.3.2.2 Kata kerja transitif

Kata kerja yang mengandungi objek terdiri daripada frasa nama untuk melengkapkan maksudnya. Terbahagi kepada KKT aktif dan KKT pasif.

a) Kata kerja transitif aktif

Kata kerja yang menerima awalan {meN-} atau bersifat aktif. Contoh dalam ayat:

- 1) Tinah **ma'id** mejak guan umin. (mak mengelap meja makan)
- 2) Ni **hakel** anak. (Menidurkan anak)

- 3) Jakain koi **nafel** nyih. (Esok saya akan menampalnya)
- 4) Tinnah koi **melih** bek sam bunnar nyamar nek. (Emak saya membeli buah asam kendong pagi tadi)
- 5) **Asak** berei koi. (Saya masak nasi)

b) Kata kerja transitif pasif

Kata kerja hasil daripada proses transformasi atau perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif. Contoh dalam ayat:

- 1) Sai umin bek tok dey nek? Tirauk **bi'ang** koi. (Siapa makan buah ini tadi? Sudah dimakan saya)
- 2) Tirauk **penasang** koi. (sudah dipasang oleh saya)
- 3) Upaih **hanilaik** aw? (Apa dipilih kau?)
- 4) Tirauk **tenafel**, alak mingguk baru temanak. (Sudah ditampal, kamu ambil la minggu baru)
- 5) Koi **hanurauk** Rafa dei itoi. (Saya disuruh Rafa buat ini)

4.3.3. Kata Adjektif

Dikenali sebagai kata sifat yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Kata adjektif mempunyai unsur-unsur keterangan lain seperti kata bantu dan kata penguat. Juga berfungsi menerangkan keadaan atau sifat bagi kata nama atau frasa nama. Beberapa contoh adalah seperti berikut (**Lihat Lampiran A**). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, pengkaji hanya menyenaraikan beberapa kata adjektif seperti yang terdapat dalam Jadual 4.3.3.

Jadual 4.3.3: Kategori kata adjektif Bahasa Miriek

Kategori Kata Adjektif	Contoh perkataan
KA pancaindera	Agek (bising)
KA pancaindera	Alus (halus)
Kata sifat	Ammung (sombong)
KA ukuran	Ayak (besar)
Kata sifat	Ba'ut (takut)
KA	Budei (kabur, rabun)
KA cara	Dares (deras)
KA ukuran	dibi' (pendek)
KA ukuran	Dii (kecil)
KA	Genait (geli)
KA warna	Halabuh (kelabu putih)
Kata sifat	Haney (pandai)
KA bentuk	Harangan/Henghangan (kurus)
KA pancaindera	Harengip (wangi)
KA pancaindera	Helad (kelat)
Kata sifat	Jek atai (baik hati)
KA pancaindera	Jek man (cantik)
Kata sifat	Jilih (berani)
KA ukuran	Kew (tinggi)
Kata sifat	Laben (bijak)
Kata sifat	lengan man (aneh)
KA perasaan	Lisauk (gembira)

Kata sifat	Lisouk (lupa)
Kata sifat	Lurus Atai (jujur)
KA perasaan	Maik (kesian)
KA	Mamaih (terkejut)
Kata sifat	Massan (malu)
Kata sifat	Mennes (kedekut)
KA perasaan	Menyal (rindu)
KA perasaan	Rusen (risau)
Kata sifat	Sabber/sabey (sabar)
KA perasaan	Salam (sayang)
KA perasaan	Sejela/senyela (cemburu)
KA perasaan	Sanang Atai (gembira)
KA	Uoh tatok pasal (kelam kabut)

Kata adjektif dalam Bahasa Miriek dapat digolongkan berdasarkan kriteria makna seperti berikut.

- i. Kata adjektif pancaindera
- ii. Kata adjektif sifat
- iii. Kata adjektif ukuran
- iv. Kata adjektif cara
- v. Kata adjektif bentuk
- vi. Kata adjektif warna
- vii. Kata adjektif perasaan

a) Kata Adjektif Sifat

Terdiri daripada perkataan yang memberi pengertian sifat atau keadaan sebagai unsur keterangan nama. Contoh penggunaannya dalam ayat:

- i. Ideh **ammung** uauh adeh nabaik (Orang sombong tidak ramai kawan)
- ii. Siti **ba'ut** bayek nyipah (siti takut dengan ular)
- iii. **Jek tulen atai** nyih baik idih ruhon (baik betul hati dia dengan orang tua itu)
- iv. **Jilih** anak auh mettar gu likauih (berani anak awak berenang di sungai)
- v. Ketuak kaum sehsulloh ajek **lurus atai** bayek lauh (ketua kaum seorang sahaja jenis lurus hati dengan mereka)

b) Kata Adjektif Warna

Terdiri daripada perkataan yang memberi pengertian warna sebagai unsur keterangan. Contoh penggunaannya dalam ayat:

- i. Jekman warnnak mattah **halabuh** mangaok (cantik warna mata kelabu muda)

c) Kata Adjektif Ukuran

Jenis perkataan yang memberi pengertian ukuran sebagai unsur keterangan.

Contoh penggunaannya dalam ayat:

- i. Iddeh kayak amin nyih **ayak** (Orang kaya rumah nya besar)
- ii. Ajjuk **dibik** itoi koi gunah isok koi dem hagir a'al (kayu pendek ini saya guna untuk saya buat pagar ayam)
- iii. **Kew** sak amin yen (tinggi juga rumah itu)

d) Kata Adjektif Bentuk

Jenis perkataan yang memberi pengertian rupa bentuk sebagai unsur keterangan.

Contoh penggunaannya dalam ayat:

- i. **Harangan** nyih (Dia kurus)

e) Kata Adjektif Cara

Jenis perkataan yang memberi pengertian keadaan kelakuan atau ragam, sebagai penerang kata nama. Contoh penggunaannya dalam ayat:

- i. Barui itoi **dares** (Angin ini deras)

f) Kata Adjektif Perasaan

Perkataan yang memberi pengertian konsep perasaan sebagai penerang kata nama dan harus diikuti oleh kata sendi nama. Contoh penggunaannya dalam ayat:

- i. Tinah koi **sanang atai** nian koi hane nudik berey (mak saya gembira melihat saya pandai masak nasi)
- ii. Turai yen mallah **senyelam** (perempuan itu kuat cemburu)
- iii. Koi **salam** baik bajjuh baru itoi (saya sayang dengan baju baru ini)
- iv. Koi alauh itoi **rusin** uhauh sukop sin esok mayer yuran sekol (saya hari ini risau tak cukup duit esok bayar yuran sekolah)
- v. Koi **menyal** baik tinah koi bely uhauh setemauh (saya rindu dengan mak saya lama tak jumpa)

g) Kata Adjektif Pancaindera

Perkataan yang memberi pengertian konsep rasa, pandang, dengar, bau, sentuh, atau gabungan kelima-lima indera, sebagai penerang kata nama. Contoh penggunaannya dalam ayat:

- i. Hanek **agek** redio nyiloh yen (bising sangat radio kamu itu)

4.3.4 Kata Tugas

Sejenis perkataan yang hadir dalam ayat, klausa, atau frasa untuk mendukung sesuatu tugas sintaksis tertentu. Berikut merupakan kata tugas yang dijeniskan (**Lihat Lampiran B**). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, pengkaji hanya menyenaraikan beberapa jenis kata tugas seperti yang terdapat dalam Jadual 4.3.4.

Jadual 4.3.4: Kategori kata tugas Bahasa Miriek

Kategori Kata Tugas	Contoh perkataan
Kata penjodoh bilangan	Sedundun (Sepasang); Serat (Sepotong); Unggon (Sebiji); Sehasai (Sebentuk)
Kata adverba	Barinnot (Perlahan); Bummaik (Semalam); Nek (Tadi)
Kata bantu aspek	Tirauk (Sudah); Ahadeh (Belum); Akal (Masih); Melok (Hendak);
Kata sendi nama	Gu (Di); Bayek (Dengan); Isou (Untuk)
Kata arah	Lihud (Belakang); Bu (Atas)
Kata nafi	Naan (Tidak)
Kata tanya	Pumauk (Kenapa); Sai (Siapa); Paddeh (Berapa)
Kata perintah	Siak (Jangan)
Kata hubung	Bayek (Dan); Inauk (Sebab/Kerana)
Kata bilangan	Segelum (Semua); Seh (Satu); Seh Ribu (Seribu)

4.4 Fungsi setiap imbuhan dalam kata kerja, kata nama dan kata adjektif

Analisis pengimbuhan kata dalam Bahasa Miriek meneliti dua kedua-dua jenis bentuk pengimbuhan, iaitu bentuk infleksi (yang membawa fungsi tatabahasa) dan derivasi (perubahan kelas kata). Fungsi setiap imbuhan dikenal pasti. Selain pengimbuhan, proses

morfologi yang lain seperti penggandaan dan paradigma (ablaut) juga terdapat dalam bahasa ini. Namun, proses-proses ini tidak akan diteliti.

Penganalisisan data diuraikan secara terperinci berdasarkan proses infleksi dan proses derivasi. Proses infleksi ialah proses pengimbuhan kata yang membawa fungsi tatabahasa. Penambahan morf atau imbuhan tertentu tidak mengubah kategori kata. Proses derivasi pula merupakan proses perimbuhan kata yang menghasilkan kata terbitan dan mengubah kategori kata.

Berikut merupakan jenis imbuhan infleksi (**Lihat Lampiran A**). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, pengkaji hanya menyenaraikan beberapa jenis imbuhan infleksi seperti yang terdapat dalam Jadual 4.4.1.

Jadual 4.4.1 Mengenal pasti jenis imbuhan infleksi dan fungsinya dalam Bahasa Miriek

Imbuhan Infleksi	Fungsi imbuhan dan makna yang dihasilkan
Hatok (Orang yang memandi) - KN Hanatok (Orang yang beri mandi) - KN	- Kala kini - {h-} - bentuk aktif - {-an-} - sisipan KN
Masang (pasang) - KKTT Pemasang (dipasang) = KKT pasif	- {m-} - bentuk aktif, kala kini - {pe-} - imbuhan awalan KKT pasif - {n-} - bentuk pasif, kala lepas (perbuatan sdh dipasang)
Milaik (pilih) - KKTT Hanilaik (dipilih)- KK pasif	- {m-} - bentuk aktif, kala kini - {ha-} - Awalan KK pasif - {n-} - bentuk pasif - Kala lepas (perbuatan yang sudah dipilih)
Sahait (sakit) - KA	- {m-}- bentuk aktif, kala kini

Mahait (Sedang sakit) - KA	
Mesap (minum)- KKTT Nesap (diminum) - KKT pasif Haresap - (memberi minum; perbuatan) - KKT aktif	- {m-}- bentuk aktif, kala kini - {n-}- bentuk pasif, kala lepas - {ha-} - imbuhan awalan KKT aktif - {r-} - bentuk aktif, kala kini
Makel (tidur) - KKTT Hakel - (menidurkan) - KKT aktif Hanakel - (ditidurkan) - KKT pasif	- {m-} - bentuk aktif, kala kini - {h-} - bentuk aktif, kala kini - {-an-}- Imbuhan sisipan menerbitkan KKT pasif, kala lepas
Nafel (menampal) - KKT aktif Tenafel (ditampal) - KKT pasif	- {n-}- bentuk aktif, kala kini - {te-}- Imbuhan awalan menerbitkan KKT pasif - {n-}- bentuk pasif, kala lepas
Beratait (berhenti) Haratait (memberhentikan) Naratait (diberhentikan)	- {be-}- imbuhan menerbitkan KKTT - {ha-}- Imbuhan awalan menerbitkan KKT aktif, kala kini - {na-} - Imbuhan menerbitkan KKT pasif; kala lepas (Perbuatan yg sdh diberhentikan oleh seseorg)
Hurauk (suruh) - KKTT Hanurauk (disuruh) - KKT pasif	- {h-} - bentuk aktif, kala kini - {ha-}- Imbuhan awalan menerbitkan KKT pasif - {n-} - bentuk pasif, kala lepas
Helih (jual) - KKTT berpelengkap	- {h-} - bentuk aktif, kala kini

Hanelih (dijual) - KKT pasif	- {-an-}- Imbuhan sisipan KKT pasif, kala lepas
Kelukus (kukus)- (KKT)	- sisipan {-el-}
Kemukus (mengukus) - (KKT aktif)	- sisipan {-em-}
Kenukus (dikukus) - (KKT pasif)	- sisipan {-en-}

Berdasarkan Jadual 4.4.1, didapati proses infleksi yang membawa fungsi tatabahasa. Penambahan morf dan imbuhan (awalan dan sisipan) tidak mengubah kategori kata. Bagi penambahan morf, terdapat empat, iaitu {h-}, {m-}, {n-}, dan {r-}. Penambahan morf ini menjadi imbuhan awalan kepada KN, KK, dan KA yang menunjukkan bentuk aktif dan membawa fungsi kala kini. Contoh, /hatok/ ‘orang yang memandi’; /hakil/- ‘menidurkan’; /hurauk/ ‘suruh’; /helih/ ‘jual’; /masang/ ‘pasang’; /milaik/ ‘pilih’; /mahait/ ‘sedang sakit’; /mesap/ ‘minum’; /makel/ ‘tidur’; dan /haresap/ ‘memberi minum’. Manakala morf {n-} menunjukkan bentuk pasif dan berfungsi sebagai kala lepas, misalnya /nesap/ ‘diminum’; dan /nafel/ ‘menampal’. Hanya berlaku perubahan dari segi golongan kata yang dibahagi kepada dua kumpulan utama, iaitu kata kerja tak transitif dan kata kerja transitif (aktif, pasif). Misalnya, perkataan /beratait/ ‘berhenti’, /haratait/ ‘memberhentikan’ dan /naratait/ ‘diberhentikan’. Begitu juga dengan imbuhan sisipan {-el-}, {-em-} dan {-en} yang telah membahagikan kata kerja kepada KKT (aktif, pasif). Contoh perkataan /kelukus/ ‘kukus’, /kemukus/ ‘mengukus’, dan /kenukus/ ‘dikukus’.

Dalam analisis ini juga, proses derivasi turut didapati dalam Bahasa Miriek. Proses ini telah menghasilkan kata terbitan dan mengubah kategori kata (**Lihat Lampiran A**). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, pengkaji hanya menyenaraikan beberapa jenis imbuhan derivasi seperti yang terdapat dalam Jadual 4.4.2.

Jadual 4.4.2 Mengenal pasti jenis imbuhan derivasi dan fungsinya dalam Bahasa Miriek

Imbuhan Derivasi	Fungsi imbuhan dan makna yang dihasilkan
Abun (kebun) - KN Babun (berkebun) - KKTT	- KN > KKTT - {b-} - bentuk aktif - {b-} awalan menerbitkan KKTT tanpa pelengkap
Hatok (Orang yang memandi) - KN Matok (Mandi) - KKTT	- KN > KKTT tanpa pelengkap - {m-} - bentuk aktif
Ilaik(pilihan) - KN Milaik (pilih) - KKTT	- KN > KKTT - {m-} - bentuk aktif - {m-} - awalan menerbitkan KKTT berpelengkap
Mahait (Sedang sakit) - KA Sesahait (Penyakit) - KN	- KA > KN - {se-}- Imbuhan awalan menerbitkan KN
Sap (minuman) - KN Mesap (minum) - KKTT Semesap (kuat minum)= Kata sifat	- KN > KKTT > KA - {me-} - Imbuhan awalan menerbitkan KKTT berpelengkap - {se-}- Imbuhan menerbitkan kata sifat
Tafel (kain untuk menampal) - KN Nafel (menampal) - KKT aktif	- KN > KKT aktif - {n-} - menerbitkan KKT aktif
Hanurauk (Disuruh) - KKT pasif Sehurauk (tukang suruh) - KN	- KKT pasif > KN - {ha-} imbuhan awalan menerbitkan KKT pasif - {n-} - bentuk pasif, menerbitkan KKT pasif - {se-} - Imbuhan awalan menerbitkan KN
Halauk (Memakaikan pakaian) - KKT aktif	- KKT aktif > KN - {h-} - imbuhan awalan menerbitkan KKT aktif

Nahalauk (pakaian) - KN	- {na-}- Imbuhan menerbitkan KN
Lahau (jalan) - KKTT	- KK > KN
Selahau (kaki jalan) - KN	- {se-} - Awalan menerbitkan KN
Turan - KKTT	- KKTT > KA
Saturan - KA	- {sa-}- Imbuhan awalan menerbitkan KA

Pengimbuhan derivasi ini mengubah kategori kata dalam sistem morfologi Bahasa Miriek. Perubahan ini menyebabkan kategori kata berubah dari kata nama kepada kata kerja; kata adjektif kepada kata nama; kata nama, kata kerja dan kata adjektif; kata kerja kepada kata nama; dan proses ini dinamakan proses derivasi.

Sebagai contoh, perkataan “abun” (KN) berubah menjadi “babun” (KKTT); “mahait” (KA) berubah menjadi “sesahait” (KN); “hanurauk” (KKT pasif) berubah menjadi “sehurauk” (KN). Begitu juga perkataan “sap” (KN) menjadi “mesap” (KKTT) berubah menjadi “semesap” (kata sifat). Bagi penambahan morf, terdapat empat, iaitu {b-}, {m-}, {n-}, dan {h-}. Penambahan morf ini menjadi imbuhan awalan kepada KKTT dan KKT aktif yang menunjukkan bentuk aktif. Hanya morf {n-} yang menunjukkan dalam bentuk pasif dan aktif. Contoh, perkataan /nafel/ ‘menampal’ (aktif) dan /hanurauk/ ‘disuruh’ (pasif).

Selain itu, morfem {me-} berfungsi sebagai imbuhan awalan menerbitkan KKTT berpelengkap; morfem {se-} sebagai imbuhan awalan kata sifat dan KN; morfem {ha-} menerbitkan imbuhan awalan KKT pasif; morfem {na-} menerbitkan imbuhan awalan KN; serta imbuhan awalan yang menerbitkan KA, iaitu morfem{sa-}

4.5 Fungsi setiap imbuhan dalam contoh ayat

Berikut merupakan fungsi setiap imbuhan, sama ada infleksi mahupun derivasi (**Lihat Lampiran A**). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, pengkaji hanya menyenaraikan beberapa jenis kedua-dua imbuhan tersebut seperti yang terdapat dalam Jadual 4.5.1.

Jadual 4.5.1 Fungsi imbuhan infleksi dan derivasi dalam contoh ayat Bahasa Miriek

Contoh kata	Penggunaan dalam ayat	Fungsi
Haruak (KK)	Haruak (memasukkan) Cth: Koi haruak bajjuh ito (Saya sedang memasukkan baju ni) Naruak (dimasukkan) Cth: Tirauk narauak bajjuh (Sudah dimasukkan baju)	Infleksi - Kala kini/present tense, aktif Kala lepas, pasif
Hurauk (KK)	Hurauk (suruh) Cth: Sai hurauk gaun nek? (Siapa suruh awak) Hanurauk (disuruh) Cth: Koi hanurauk Rafa dei itoi (Saya disuruh Rafa buat ini) Sehurauk (tukang suruh/penyuruh) Cth: Nyih memang sehurauk yen (Dia memang tukang suruh)	Infleksi - KKKT (kala kini) ~ KKT pasif (kala lepas) Derivasi - KKT pasif ~ KN
Hatok (KN)	Hatok (Orang yang memandi; objek) -	Infleksi - KN ~ KN

	Cth: Sai hatok nek? (Siapa beri mandi tadi?) Hanatok (Orang yang beri mandi; pelaku) Cth: Jenazah nek hanatok loh kumpulan (Jenazah tadi diberi mandi oleh kumpulan mereka) Matok (Mandi) Cth: Siti matok gu amin bannah nyih (Siti mandi di rumah suaminya)	(pelaku mengerjakan objek) Derivasi - KN ~ KKTT
Masang - (KKTT)	Masang (pasang) Cth: Koi masang nek. (Saya pasang tadi) Penasang (dipasang) Cth: Tirauk penasang koi. (sudah dipasang oleh saya)	Infleksi - KKTT ~ KKT pasif
Ilaik (KN)	Ilaik (pilihan) - KN Cth: Ilaik nyih (pilihannya) Milaik (pilih) - KKTT Cth: Koi milaik aw (saya pilih kamu) Hanilaik (dipilih) - KKT pasif Cth: Umin hanilaik-hanilaik nya. (Makan dipilih-pilihnya)	Derivasi - KN ~ KKTT Infleksi - KKTT ~ KKT pasif
Gukuk (KKTT)	Gukuk (ketuk) - KKTT Cth: Siak gukuk mejak man yen. (Jangan	Infleksi - KKTT~ KK aktif

	ketuk meja macam itu)	
	Gemukuk (mengetuk) - KKT aktif	
	Cth: Nyih gemukuk uhok ideh yen. (Dia mengetuk kepala orang itu)	

Berdasarkan Jadual 4.5.1, didapati bahawa terdapat beberapa contoh fungsi penggunaan imbuhan infleksi dan derivasi dalam penggunaan ayat Bahasa Miriek. Pertama, perkataan “haruak” yang bermaksud ‘memasukkan’ berfungsi sebagai imbuhan infleksi yang menunjukkan perbuatan yang sedang berlaku (aktif). Misalnya, dalam ayat ini, iaitu “Koi haruak bajjuh ito (Saya sedang memasukkan baju ni)”. Manakala, perkataan “naruak” yang bermaksud ‘dimasukkan’ berfungsi sebagai imbuhan yang menunjukkan kala lepas (pasif). Misalnya, dalam ayat ini, iaitu “Tirauk naruak bajjuh (Sudah dimasukkan baju)”.

Perkataan “hurauk” bermaksud ‘suruh’ yang berfungsi sebagai imbuhan infleksi yang menunjukkan fungsi kala kini (aktif). Misalnya, dalam ayat ini, iaitu “Sai hurauk gaun nek? (Siapa suruh awak)”. Manakala, perkataan “hanurauk” bermaksud ‘disuruh’ yang merujuk kepada fungsi kala lepas (pasif). Misalnya, dalam ayat ini, iaitu “Koi hanurauk Rafa dei itoi (Saya disuruh Rafa buat ini)”. Walau bagaimanapun, terdapat perubahan golongan kata akibat daripada fungsi imbuhan derivasi daripada KKT pasif kepada KN. Misalnya, perkataan “sehurauk” yang bermaksud ‘tukang suruh/penyuruh’ seperti yang terdapat dalam ayat, “Nyih memang sehurauk yen (Dia memang tukang suruh)”.

Perkataan “hatok” pula bermaksud ‘orang yang memandi’; yang berfungsi sebagai KN dan menjadi objek kepada si pelaku. Contoh dalam ayat, “Sai hatok nek? (Siapa beri mandi tadi?)”. Manakala, perkataan “hanatok” bermaksud ‘orang yang beri mandi’ yang juga berfungsi sebagai KN tetapi menjadi pelaku yang telah mengerjakan objek dalam ayat. Misalnya, “Jenazah nek hanatok loh kumpulan (Jenazah tadi diberi mandi oleh kumpulan

mereka)". Walau bagaimanapun, terdapat perubahan golongan kata akibat daripada fungsi imbuhan derivasi daripada KN kepada KKTT. Misalnya, perkataan "matok" yang bermaksud 'mandi', sebagai contoh "Siti matok gu amin bannah nyih (Siti mandi di rumah suaminya)".

Seterusnya, perkataan "masang" yang bermaksud 'pasang'. Perubahan dari segi golongan kata, iaitu kata kerja tak transitif kepada kata kerja transitif (pasif). Contoh, "Koi masang nek. (Saya pasang tadi)". Perkataan "penasang" pula bermaksud 'dipasang' yang merujuk kepada KKT pasif. Contoh penggunaan dalam ayat, "Tirauk penasang koi (sudah dipasang oleh saya)". Begitu juga dengan perkataan "gukuk" yang bermaksud 'ketuk' yang merujuk kepada KKTT. Misalnya, "Siak gukuk mejak man yen. (Jangan ketuk meja macam itu)". Manakala perkataan "gemukuk" yang bermaksud 'mengetuk' dan telah berfungsi sebagai KKT aktif. Contoh, "Nyih gemukuk uhok ideh yen. (Dia mengetuk kepala orang itu)".

Akhir sekali, perkataan "ilaik" yang bermaksud 'pilihan' yang merujuk kepada KN. Misalnya, "Ilaik nyih (pilihannya)". Hal ini telah menerbitkan imbuhan derivasi, yakni telah mengubah kategori kata daripada KN kepada KKTT, iaitu perkataan "milaik" yang bermaksud 'pilih'. Misalnya, dalam ayat ini, "Koi milaik aw (saya pilih kamu)". Walau bagaimanapun, terdapat perubahan yang membawa fungsi tatabahasa. golongan kata akibat daripada fungsi imbuhan infleksi daripada KKTT kepada KKT pasif. Misalnya, perkataan "hanilaik" yang bermaksud 'dipilih' seperti yang terdapat dalam ayat, "Umin hanilaik-hanilaik nya. (Makan dipilih-pilihnya)".

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merumuskan tentang kajian yang telah dijalankan, iaitu kajian yang bertajuk “Pengimbuhan kata dalam Bahasa Miriek”. Bab ini memberi gambaran secara menyeluruh terhadap kajian yang dijalankan melalui implikasi dan cadangan kajian masa hadapan. Perbincangan pada bab ini diakhiri dengan kesimpulan kajian.

5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini memberi gambaran tentang pengimbuhan kata yang wujud dalam Bahasa Miriek. Kategori kata dalam Bahasa Miriek terdiri daripada kategori kata utama dan kata tugas. Kategori kata utama seperti KN, KK, dan KA. Kata tugas pula terdiri daripada kata penjodoh bilangan, kata sifat, kata adverba, kata sendi nama, kata bantu aspek, kata arah, kata nafi, kata tanya, kata perintah, kata hubung, dan kata bilangan. Bagi jenis imbuhan dan fungsi, bahasa ini mempunyai imbuhan awalan dan sisipan. Tiada imbuhan apitan dan akhiran. Fungsi imbuhan kata bahasa ini berbentuk derivasi mahupun infleksi. Kajian ini juga mendapati terdapat imbuhan awalan yang bersifat tidak produktif seperti imbuhan {an-} dalam perkataan “an harabbi” (jemurkan) dan “an hulon” (nyalakan).

5.3 Implikasi Kajian

Kajian ini telah memberi gambaran dan situasi sebenar bahawa penemuan baharu seperti fungsi imbuhan kata Bahasa Miriek berbentuk derivasi mahupun infleksi. Kedua-dua jenis imbuhan ini bersifat produktif dalam bahasa ini. Proses paradigma (ablaut) dan morfofonemik juga terdapat dalam bahasa ini dengan beberapa contoh perkataannya, namun

proses-proses ini hanya diteliti secara umum sahaja. Implikasinya ialah kajian ini dapat menggambarkan bahasa ini sebagai salah satu *lower-Baram languages* (Robert Blust, 1997)

5.4 Cadangan Kajian

Cadangan kepada pengkaji akan datang pula lebih berfokuskan kepada cadangan untuk kajian yang lebih lanjut. Kajian tentang paradigma (ablaut) diperlukan untuk melihat proses ini berlaku dari aspek morfologi. Blust (1997) dalam Bibi Aminah (2017:89) mendapati aspek paradigma ini sememangnya wujud dalam Kelabit-Lun Dayeh, Berawan, Kiput, Narum, Miri, Bintulu, dan Melanau di Sarawak. Blust menyatakan paradigma sebagai satu proses:

“ Ablaut in the languages of northern Sarawak occurs only in the voice system of verb paradigms can mark active and passive differences, and commonly found in complementary distribution with certain prefixes and infixes that serve similar function”

Dalam bahasa Miriek, proses ini berlaku melalui penggantian huruf vokal, iaitu fonem /e/, fonem /u/, dan fonem /i/. Contoh ayat yang telah dikenal pasti seperti “husaid” (memicit), “hesaid” (terpicit), “hisaid” (dipicit); “teppaik” (pecah), “tuppaik” (memecah), “tippaik” (dipecahkan); “jukan” (melarang), “jikan” (dilarang); serta “gutong” (baling), “gitong” (dibaling).

5.5 Kesimpulan Kajian

Sebagai kesimpulan, kajian ini secara keseluruhannya telah berjaya mendeskripsikan proses pengimbuhan dalam Bahasa Miriek. Aspek dari segi fungsi imbuhan derivasi dan infleksi dilakukan perbandingan dengan Bahasa Iban dan BM. Dapat disimpulkan infleksi dalam BM dan Bahasa Iban terdapat imbuhan infleksi yang berfungsi sebagai penanda pasif, misalnya

perkataan “diberikan” dan “memberikan”. Namun, imbuhan dalam kedua-dua bahasa ini kebanyakannya jenis derivasi. (Asmah dan Rosline Sandai, 2012). Dalam Bahasa Miriek pula, kedua-dua jenis imbuhan ini dilihat agak produktif. Secara tidak langsung, hal ini mampu untuk menonjolkan penggunaan Bahasa Miriek kepada masyarakat umum, khususnya di Sarawak.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan (2006). *Morfologi: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Alexlyn Bujang (2012, November 5). Etnik Miriek, Sarawak, Borneo. *Borneo Oracle*. Capaian pada 10 November 2017, dari http://alexlynbujang.wix.com/borneooracle?fb_ref=Default
- Asmah Haji Omar (1995). *Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2008). Morfologi. Dalam *Ensiklopedia Bahasa Melayu* (hlm.113-118). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar & Rosline Sandai (2012). *Morfologi Bahasa Iban: Morfologi Jaku Iban*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Haji Omar (2015). *Teori asas nahu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2017). Safe and Unsafe Languages: A focus on languages in Malaysia. Dalam Asmah Haji Omar & Norazuna Norahim (Eds.), *Linguistic Minorities: Their existence and identity within larger communities*. (hlm.77-93). Kota Samarahan, Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak Publisher.
- Bibi Aminah Abdul Ghani & Aishah Edris (1992). The influences of the sociocultural environment and other languages on the Bintulu dialect: An overview. *The Sarawak Museum Journal*, 64, 343-355.
- Bibi Aminah Abdul Ghani (1994). Sumbangan budaya minoriti dalam pembangunan masyarakat Melayu: Miriek. *The Sarawak Museum Journal*, XLVII, 68 (New Series), 255-263.
- Bibi Aminah Abdul Ghani (2000). The influences of the sociocultural environment and other languages on the Miriek, Bintulu and Kejaman languages. Dalam Michael Leigh (Ed.), *Borneo 2000 Language, Management and Tourism: Proceedings of the Sixth Biennial Borneo Research Conference*. (hlm.1-9). Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Bibi Aminah Abdul Ghani (2017). The linguistic consequences of Bintulu and Miriek due to language contact. Dalam Asmah Haji Omar & Norazuna Norahim (Eds.), *Linguistic Minorities: Their existence and identity within larger communities*. (hlm.77-93). Kota Samarahan, Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak Publisher.
- Cardiff University (2011). *A short guide to writing your Final Year Project Report or MSc Dissertation*. Capaian pada 21 Disember 2017, dari

https://www.google.com/url?sa=t&source=web&rct=j&url=https://www.cs.cf.ac.uk/PATS2/wiki/lib/exe/fetch.php%3Fmedia%3Dproject-report.pdf&ved=0ahUKEwi15liQsJzYAhVJK48KHeSBCJ8QFgg2MAA&usg=AOvVaw1HEYf9zxuB8Yp5JqqXxQb_

- Dahlan Kadja, Indra B. Wumbu, Amir Kadir & Mahmud Larupa (1998). *Morfologi dan sintaksis Bahasa Bungku*. Jakarta, Indonesia: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Harimurti Kridalaksana (2008). *Kamus Linguistik Edisi Keempat*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Hornby, A. S. (2007). *Oxford Compact Advanced Learner's English-Malay Dictionary*. (1st ed.). (Hj. O. Asmah, Perterj.). Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Jamilah Bebe Binti Mohamad (2016). Amalan sosiobudaya di dalam novel terjemahan terpilih Harry Potter: Analisis wacana kritis. *The National Conference for Postgraduate Research*. Universiti Malaysia Pahang, 490-504.
- Kamus dewan Edisi Keempat* (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, N. K., Onn, F. M., Musa, H. Hj., & Mahmood, A.H. (2013). *Tatabahasa dewan* (10th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manova, S. (2014). Affixation. Dalam M. Aronoff (Ed.), *Oxford Bibliographies in Linguistics*. New York, USA: Oxford University Press.
doi:10.1093/OBO/9780199772810-0183.
- Matthews, P. H. (1991). *Morphology* (2nd ed.). Cambridge, United Kingdom: Cambridge University Press.
- Nida, E. A. (1970). *Morphology: A descriptive analysis of words*. Ann Arbor, USA: The University of Michigan Press.
- Noor Alifah Abdullah (2004). *Struktur Bahasa Belait*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazuna Norahim (2013). A preliminary review of research on languages and dialects of Sarawak. Dalam Aminah Haji Momin & Mohd. Azurin Othman (Eds.), *Kepelbagaian Bahasa di Borneo*. (hlm.285-300). Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Rachel Nina (2012, April 3). Memelihara Tuttot Meirek. *Utusan Online*. Capaian pada 10 November 2017, dari
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0403&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sabah_%26_Sarawak&pg=wb_02.htm
- Samarin, W. J. (1993). *Linguistik Lapangan: Panduan kerja lapangan linguistik*. (M. Kamaruzaman & A. G. Zahrah, Perterj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

Salbia Haji Hassan (2010). Morfologi: Analisis produktiviti prefiks Dialek Melayu Sarawak. *Kertas Kerja Persidangan Linguistik, Bahasa, Budaya dan Tradisi Sarawak*. Universiti Malaysia Sarawak, 1-19.

Tunggal, H., R. (2009). *Struktur Bahasa Tutong* (2nd ed.). Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

LAMPIRAN A: KATEGORI KATA UTAMA

Bahasa Melayu Standard	Bahasa Miriek	Jenis Kata	Jenis Imbuhan	Fungsi Setiap Imbuhan Kata (Infleksi/Derivasi)	Contoh Ayat
Kebun	Abun	➤ KN ➤ Kata akar	Tiada	➤ Imbuhan derivasi = abun>babun = KN > KKTT	1. Hakik koi mullah ujet gu abun (Banyak saya tanam sayur di kebun) 2. Nyih adeh abun ujet lihud amin (Dia ada kebun sayur di belakang rumah)
Berkebun	Babun	➤ KKTT tanpa pelengkap	{b-}	➤ Imbuhan membawa pengertian mengerjakan atau usahakan sesuatu ➤ Imbuhan derivasi = abun>babun = KN > KKTT	1. Rejeh nyih babun (Kerjanya berkebun)
Makan	Umin	➤ Kata akar ➤ KKTT	Tiada	➤ Berfungsi sebagai satu pertanyaan ➤ Bertanya untuk tujuan makan sahaja ➤ Menanyakan sama ada seseorang itu sudah makan atau belum	1. Umin au? (Awak makan?) 2. Au umin berih? (Kamu makan nasi?) 3. Nyih tirauk umin nek? (Dia sudah makan?) 4. Upaih umin alai to?

					(Apa barang makan hari ini?)
Makanan	Neba'ang	➤ KN ➤ Kata dasarnya "ba'ang"	{ne-}	➤ Imbuhan awalan menerbitkan kata nama	1. Koi dey neba'ang (Saya buat makanan) 2. Sai neba'ang akik-akik nek? (Siapa makan makanan yang banyak-banyak tadi?) 3. Upaih neba'ang alo ito? (Apa yang mahu dimakan hari ini/sekarang?)
Dimakan/Kena makan	Bi'ang	➤ KK transitif pasif		➤ Penanda bagi perbuatan sudah berlaku atau menunjukkan kala lepas ➤ <i>Bi'ang</i> ialah makanan yang sudah dimakan ➤ Hanya merujuk kepada makanan, bukannya perbuatan makan ➤ Kata akar digunakan tidak sama dengan <i>umin</i>. ➤ Dalam ayat pasif,	1. Abik matai a'al koi bi'ang a'uu. (Habis mati ayam saya kena makan oleh anjing) 2. Biang ni nek. (Sudah dimakan nya tadi) 3. Pa hai buah epol tek? Tirauk biang koi. (Di mana buah epal? Sudah dimakan saya) 4. Sai umin bek tok dey nek? Tirauk biang koi. (Siapa makan buah ini)

				tumpuannya ialah objek. ➤ Ayat aktif lebih kepada subjek asal sebagai judul atau unsur yang diterangkan	tadi? Sudah dimakan saya)
Diberi makan	Tukay umin	➤ KK transitif pasif ➤ Perbuatan memberi makan itu sedang berlaku atau sudah berlaku	➤ Tidak berlaku dalam bentuk imbuhan	➤ Kala lepas	1. Tukay umin berih. (Dia sudah diberi makan) 2. Tirauk tukay umin using auh. (Kucing awak sudah dibagi makan)
Orang yang memandi	Hatok	➤ KN ➤ Kata akar	Tiada	➤ Imbuhan infleksi = hatok>hanatok = KN > KN ➤ Kala kini	1. Sai hatok nek? (Siapa beri mandi tadi?)
Orang yang beri mandi	Hanatok	➤ KN ➤ Kata dasarnya <i>hatok</i>	{-an-}	➤ Imbuhan sisipan menerbitkan KN ➤ Imbuhan infleksi = hatok>hanatok = KN > KN ➤ Kala kini	1. Jenazah nek hanatok loh kumpulan (Jenazah tadi diberi mandi oleh kumpulan mereka)
Mandi	Matok	➤ KKTT tanpa pelengkap	Tiada	➤ Imbuhan derivasi = hatok > matok = KN > KK	1. Siti matok gu amin bannah nyih (Siti mandi di rumah suaminya)

		➤ Tanpa objek atau penyambut			
Pasang	Masang	➤ KKTT berpelengkap	Tiada	➤ Kala kini ➤ Tidak boleh tirauk masang (tidak wujud) ➤ Imbuhan infleksi =masang>penasang = KKTT > KK transitif pasif	1. Koi masang nek. (Saya pasang tadi)
Dipasang	Penasang	➤ KK transitif pasif ➤ Kata dasarnya <i>nasang</i>	{pe-} {n-}	➤ Kala lepas ➤ Perbuatan sudah dipasang ➤ {n-} = bentuk pasif ➤ Imbuhan awalan menerbitkan KK pasif	1. Tirauk penasang koi. (sudah dipasang oleh saya)
Pilihan	Ilaik	➤ Kata akar ➤ KN	Tiada	➤ Imbuhan derivasi = ilaik>milaik = KN > KKTT	1. Ilaik nyih (pilihannya) 2. Ilaik koi (pilihan saya)
Pilih	Milaik	➤ KKTT berpelengkap ➤ Kata dasarnya <i>ilaik</i>	{m-}	➤ Imbuhan infleksi = milaik>hanilaik = KKTT > KK pasif ➤ {m-} = bentuk aktif	1. Koi milaik aw (saya pilih kamu)

				➤ Kala kini	
Dipilih	Hanilaik	➤ Kata dasarnya <i>nilaik</i> ➤ KK transitif pasif	{ha-} {n-}	➤ Imbuhan infleksi = milaik>hanilaik = KKTT > KK pasif ➤ Awalan KK pasif {ha-} ➤ {n-} = bentuk pasif ➤ Kala lepas ➤ Perbuatan yang sudah dipilih	1. Umin hanilaik-hanilaik nya. (Makan dipilih-pilihnya) 2. Upaih hanilaik aw? (Apa dipilih kau?) 3. Bareng yang tirauk hanilaik sik tirauk asin. (Barang yang sudah dipilih, jangan dipilih lagi)
Sakit	Sahait	➤ Kata akar ➤ KA	Tiada	➤ Imbuhan infleksi = sahait>mahait = KA > KA	-
Sedang sakit	Mahait	➤ KA	{m-}	➤ Menunjukkan keadaan kala kini ➤ {m-} = bentuk aktif	1. Mahait nyih (Sedang sakitnya)
Penyakitan; berpenyakit; sering sakit	Sesahait	➤ KN ➤ Kata dasarnya <i>sahait</i>	{se-}	➤ Imbuhan derivasi = mahait>sesahait = KA>KN ➤ Seseorang yang sering sakit atau	1. Memang nyih sesahait . (Dia memang berpenyakit)

				berpenyakit seperti sakit lutut, sakit kaki, sakit kepala ➤ Imbuhan awalan menerbitkan kata nama {se-}	
Mengosok-gosok badan (untuk binatang)	A'id	➤ Kata sifat ➤ Kata akar	Tiada	➤ Merujuk kepada binatang yang mengosok-gosok badannya. ➤ Boleh juga digunakan untuk menunjukkan perbuatan manusia yang menggatal seperti haiwan. ➤ Imbuhan derivasi = A'id>Ma'id = Kata sifat>KK aktif ➤ Imbuhan infleksi = A'id>Seha'id = Kata sifat>Kata sifat ➤ Imbuhan infleksi = ha'id>ma'id = KKTT>KK aktif	1. A'id-a'id saja. (menunjukkan perbuatan marah sebab sifat menggatal sekiranya digunakan kepada manusia)

Sedang lap/gosok	Ha'id	➤ KKTT berpelengkap	Tiada	➤ Kala kini	1. Ali ha'id inau ceremin (Ali sedang lap tingkap cermin) 2. Ali ha'id long. (Ali sedang lap pintu bilik) 3. Siak ha'id mattah auh. (Jangan gosok mata awak)
1. Sedang mengosok-mengosok 2. Perbuatan menggelap/membuang habuk	Ma'id1 Ma'id2	➤ KK transitif aktif	{m-}	➤ {m-} = bentuk aktif	1. Pusak ma'id-ma'id. (Kucing sedang mengosok-gosok) 2a. Ma'id mija. (Mengelap meja) 2b. Tinah ma'id mejak guan umin. (mak mengelap meja makan) 2c. Ain itoi isok ma'id (kain ini untuk mengelap)
Sering mengosok-gosok	Seha'id	➤ Kata sifat ➤ Kata dasarnya <i>ha'id</i>	{se-} {h-}	➤ Perbuatan haiwan mahu mengawan/lanji (marah kepada haiwan) ➤ Imbuhan awalan menerbitkan kata sifat {se-} ➤ {h-} = bentuk	1. Seha'id! (menunjukkan perbuatan marah)

				aktif	
Minuman	Sap	➤ Kata akar ➤ KN	Tiada	➤ Imbuhan derivasi = sap> semesap>semesap = KN >KKTT>KA	-
Minum	Mesap	➤ KKTT berpelengkap ➤ Kata dasarnya <i>sap</i>	{m-}	➤ Imbuhan menerbitkan KKTT {m-}, kala kini ➤ Imbuhan infleksi =mesap>nesap> haresap = KKTT> KK pasif>KK aktif	1. Au mesap ye akik adik . (Kau minum air banyak sangat) 2. Tirauk mesap auh? (Awak sudah minum?) nyih sap hek abbek (dia minum air kosong)
Diminum	Nesap	➤ KK transitif pasif ➤ Kata dasarnya <i>sap</i>	{n-}	➤ {n-} = bentuk pasif ➤ Perubahan bunyi berlaku pada huruf konsonan; /m/ kepada /n/ dan /r/ ➤ Imbuhan infleksi = mesap>nesap>har	-

				esap = KKTT> KK pasif>KK aktif	
Memberi minum	Haresap	➤ KK transitif aktif ➤ Kata dasarnya <i>sap</i>	{ha-} {r-}	➤ Imbuhan awalan menerbitkan KK aktif {ha-} ➤ {r-} - bentuk aktif ➤ Imbuhan infleksi = mesap>nesap>har esap = KKTT> KK pasif>KK aktif	-
Peminum (kuat minum)	Semesap	➤ Kata sifat ➤ Kata dasarnya <i>mesap</i>	{se-}	➤ Imbuhan menerbitkan kata sifat {se-} ➤ Imbuhan derivasi = sap>mesap> semesap = KN> KKTT >Kata sifat	-
Tidur	Makel	➤ Kata akar ➤ KKTT tanpa pelengkap	Tiada	➤ Imbuhan infleksi =makel>hakel>ha nakel = KKTT>KK aktif>KK pasif	1. Be samak makel tannik hohadik jakek. (lama betul mak kau tidur dari tadi belum bangun)
Menidurkan	Hakel	➤ Kata akar ➤ KK transitif	{h-}	➤ {h-} = bentuk aktif	1. Ni hakel anak. (Menidurkan anak)

		aktif		➤ Imbuhan infleksi =makel>hakek>ha nakel = KKTT>KK aktif>KK pasif	
Ditidurkan	Hanakel	➤ KK transitif pasif ➤ Kata dasarnya <i>hakek</i>	{-an-}	➤ Imbuhan sisipan menerbitkan KK pasif {-an-} ➤ Imbuhan infleksi =makel>hakek>ha nakel = KKTT>KK aktif>KK pasif	-
Kain atau benda untuk menampal	Tafel	➤ Kata akar ➤ Kata nama	Tiada	➤ Imbuhan derivasi = tafel>nafel = KN>KK aktif ➤ Kain untuk <i>tafir</i> ➤ Benda utk menampal sesuatu ➤ Kalau kain koyak, kita akan <i>tafir</i> nya.	1. Ali tukey gu koi ain, ain tafel . (Ali memberi saya untuk tampal kain)
Menampal	Nafel	➤ Kata akar ➤ KK transitif aktif ➤ Diikuti frasa nama sebagai	{n-}	➤ Imbuhan infleksi = nafel>tenafel = KK aktif>KK pasif ➤ {n-} = bentuk aktif	1. Jakain koi nafel nyih. (Esok saya akan menampalnya)

		penyambutnya			
Ditampal	Tenafel	➤ Kata kerja pasif ➤ Kata dasarnya <i>nafel</i>	{te-}	➤ Imbuhan awalan menerbitkan KK pasif {te-}	1. Tirauk tenafel , alak minggu baru temanak. (Sudah ditampal, kamu ambil la minggu baru)
Berhenti	Beratait	➤ KKTT tanpa pelengkap	{be-}	➤ Imbuhan awalan menerbitkan KK tak transitif {be-} ➤ Imbuhan infleksi = beratait>haratait> naratait = KKTT>KKT aktif>KKT pasif	1. Koi beratait berejeh diyen. (Saya berhenti kerja daripada situ)
Memberhentikan	Haratait	➤ KK transitif aktif	{ha-}	➤ Kala kini ➤ Imbuhan awalan menerbitkan KK aktif {ha-}	1. Ni harahait gu koi. (Nya memberhentikan saya)
Sudah diberhentikan	Naratait	➤ KK transitif pasif	{na-}	➤ Perbuatan yang sudah diberhentikan oleh seseorang ➤ Kala lepas ➤ Imbuhan menerbitkan KK	1. Koi tirauk naratait berejeh. (Saya diberhentikan daripada kerja)

				pasif {na-}	
Suruh	Hurauk	➤ Kata akar ➤ KKTT tanpa pelengkap	Tiada	➤ Imbuhan infleksi = hurauk>hanurauk = KKTT>KKT pasif	1. Sai hurauk gaun nek? (Siapa suruh awak?)
Disuruh	Hanurauk	➤ KK transitif pasif ➤ Kata dasarnya <i>hurauk</i>	{ha-} {n-}	➤ Imbuhan infleksi = hurauk>hanurauk = KKTT>KKT pasif ➤ Imbuhan awalan menerbitkan KK pasif {ha-} ➤ {n-} - bentuk pasif	1. Koi hanurauk Rafa dei itoi. (Saya disuruh Rafa buat ini)
Menyuruh (tukang suruh)	Sehurauk	➤ KN ➤ Kata dasarnya <i>hurauk</i>	{se-}	➤ Imbuhan awalan menerbitkan KN {se-} ➤ Imbuhan derivasi = hanurauk>sehurauk = KKT pasif>KN	1. Nyih memang sehurauk yen. (Nya memang tukang suruh)
Jual	Helih	➤ Kata akar ➤ KKTT berpelengkap	Tiada	➤ Imbuhan infleksi = helih>hanelih = KKTT>KKT pasif	1. Ali helih huta. (Ali jual ikan) 2. Sai helih keretak yen?

				➤ {h-} - bentuk aktif, kala kini	(Siapa jual kereta?)
Dijual	Hanelih	➤ KK transitif pasif ➤ Kata dasarnya <i>helih</i>	{-an-}	➤ Imbuhan sisipan KK pasif {-an-} ➤ Kala lepas	1. Bek sikoi abik tirauk hanelih koi alauh itoi. (Buah tembikai habis dijual saya hari ini) 2. Keretak tirauk hanelih. (Kereta sudah dijual)
Membeli	Melieh/Melih	➤ Kata akar ➤ KK transitif aktif	{m-}	➤ Imbuhan infleksi = melieh>belieh = KK aktif>KKT pasif ➤ Kala kini ➤ {m-} = bentuk aktif	1. Koi melih. (Saya membelinya) 2. Tinnah koi melih bek sam bunnar nyamar nek. (Emak saya membeli buah asam kendong pagi tadi)
Dibeli	Belieh/Belih	➤ Kata akar ➤ KK transitif pasif	{b-}	➤ {b-} = bentuk tak sengaja/ telah sedia ada ➤ Kala lepas	1. Keretak tirauk belieh nyih. (Kereta sudah dibelinya) 2. Bek huttaih belih gu tamuk Kedayan. (Buah pisang dibeli di tamu Kedayan)
Memakaikan pakaian, padi, kalung	Halauk	➤ Kata akar ➤ KK transitif aktif	{h-}	➤ Imbuhan derivasi = halauk>nahalauk = KK aktif >KN ➤ {h} - bentuk aktif	1. Halauk bajjuh, seluar. (Memakaikan baju,seluar)

Pakaian	Nahalauk	➤ KN ➤ Kata dasarnya <i>halauk</i>	{na-}	➤ Imbuhan menerbitkan KN {na-}	1. Nahalauk koi. (Pakaian saya)
Jalan	Lahau	➤ Kata akar ➤ KKTT tanpa pelengkap	Tiada	Tiada	1. Turai yen sukak lahau huhanek ngem gamin. (perempuan itu suka berjalan tak reti duduk rumah)
Berjalan	Melahau	➤ KKTT tanpa pelengkap ➤ Kata dasarnya <i>lahau</i>	{me-}	➤ Awalan menerbitkan KKTT {me-}	1. Nyih melahau mai gu umin tukah Ros. (Nya berjalan di rumah kakak Ros)
Kaki jalan	Selahau	➤ KN ➤ Kata dasarnya <i>lahau</i>	{se-}	➤ Awalan menerbitkan KN {se-} ➤ Imbuhan derivasi = lahau>selahau = KKTT>KN	-
Masak/Memasak	Asak	➤ Kata akar ➤ KK transitif aktif	Tiada	➤ Imbuhan infleksi = asak>hanasak = KK aktif >KK pasif	1. Asak berei koi. (Saya masak nasi)
Sudah dimasak	Hanasak	➤ KK transitif pasif	{ha-} {n-}	➤ Imbuhan infleksi = asak>hanasak = KK aktif >KK pasif ➤ Imbuhan awalan	1. Ujet koi tirauk hanasak . (Sayur saya sudah dimasak)

				menerbitkan KK pasif ➤ {n-} = bentuk pasif ➤ Kala lepas	
Cakap	Turan	➤ Kata akar ➤ KKTT	Tiada	➤ Imbuhan infleksi = turan > tanuran = KKTT > KK pasif ➤ Imbuhan derivasi = turan > saturan = KK > KA	1. Siak turan jaat. (Jangan cakap jahat) 2. Siak turan uhauh tauah. (Jangan cakap tak tentu)
Dicakapkan	Tanuran	➤ KK transitif pasif ➤ Kata dasarnya <i>turan</i>	{-an-}	➤ Imbuhan sisipan menerbitkan KK pasif {-an-}	1. Nyih tanuran loh nek. (Dia dicakapkan oleh orang tadi)
Kuat bercakap	Saturan	➤ KA ➤ Kata dasarnya <i>turan</i>	{sa-}	➤ Imbuhan derivasi = turan > saturan = KKTT > KA ➤ Imbuhan awalan menerbitkan KA {sa-}	-
Berleter (merepak)	Rubet-rubet	➤ Kata akar ➤ KK ganda ➤ Proses menggandakan hanya pada	Tiada	➤ Imbuhan infleksi = rubet-rubet > merubet > narubet = KK > KK aktif > KK pasif	-

		kata dasar tanpa melibatkan sebarang imbuhan		➤ Imbuhan derivasi = rubet-rubet > serubet = KK > Kata sifat	
Meleter	Merubet	➤ KK transitif aktif ➤ Kata dasarnya <i>rubet</i>	{me-}	➤ Imbuhan menerbitkan KK aktif {me-} ➤ Imbuhan infleksi = rubet-rubet > merubet > narubet = KK > KK aktif > KK pasif	-
Dileterkan	Narubet	➤ KK transitif pasif ➤ Kata dasarnya <i>rubet</i>	{na-}	➤ Imbuhan menerbitkan KK pasif {na-} ➤ Imbuhan infleksi = rubet-rubet > merubet > narubet = KK > KK aktif > KK pasif	1. Nyih yen narubet . (Dia dileterkan olehnya)
Kuat berleter	Serubet	➤ Kata sifat ➤ Kata dasarnya <i>rubet</i>	{se-}	➤ Imbuhan menerbitkan kata sifat {se-} ➤ Imbuhan derivasi	1. Nyih serubet . (Dia seorang kuat berleter)

				= rubet-rubet > serubet = KK > Kata sifat	
Hidup	Ulon	➤ Kata akar ➤ KN	-	➤ Imbuhan derivasi = ulon > hulon = KN > KK aktif	1. Kiddik samah ulon koi bayek aaw. (Hidup saya bukan sama dengan kamu)
Menghidupkan	Hulon	➤ KK transitif aktif	{h-}	➤ {h-} = bentuk aktif yang menerbitkan kata kerja	1. Hulon igun/a'ang. (Menghidupkan api/pelita)
Racun	Rasun	➤ Kata akar ➤ KN	Tiada	➤ Imbuhan derivasi = rasun > merasun = KN > KK aktif	-
Meracun	Merasun	➤ KK transitif aktif ➤ Kata dasarnya <i>rasun</i>	{me-}	➤ Imbuhan infleksi = merasun > harasun > nerasun = KK aktif > KK aktif > KK pasif ➤ Imbuhan awalan menerbitkan KK aktif ➤ Kala kini	1. Nyih merasun humah. (Dia meracun rumput)
Sudah meracun	Harasun	➤ KK transitif aktif ➤ Kata dasarnya <i>rasun</i>	{ha-}	➤ Imbuhan infleksi = merasun > harasun > nerasun = KK aktif > KK aktif > KK pasif ➤	1. Ali tirauk harasun berlabuh. (Ali sudah meracun tikus)

				➤ Imbuhan menerbitkan kata kerja aktif ➤ Kala lepas	
Diracun	Nerasun	➤ KK transitif pasif ➤ Kata dasarnya <i>rasun</i>	{ne-}	➤ Imbuhan infleksi = merasun > harasun > nerasun = KK aktif > KK aktif > KK pasif ➤ Imbuhan awalan menerbitkan KK pasif {ne-}	1. Belabbuh nerasun koi lem nek. (Tikus diracun oleh saya malam tadi)
Buat	Dem	➤ Kata akar ➤ KKTT	Tiada	➤ Imbuhan infleksi = dem > medem = KK tunggal > KK aktif ➤	1. Dem kuih. (Buat kuih)
Membuat	Medem	➤ KK transitif aktif ➤ Kata dasarnya <i>dem</i>	{me-}	➤ Imbuhan awalan menerbitkan KK aktif {me-} ➤ Kala kini	1. Koi medem kuih. (Saya membuat kuih)
Tukang buat	Seredem	➤ Kata nama ➤ Kata dasarnya <i>dem</i>	{sere-}	➤ Imbuhan derivasi = dem > seredem = KK > KN ➤ Imbuhan awalan menerbitkan KN {sere-}	1. Kak Melati seredem kuih. (Kak Melati tukang buat kuih)

Garu	Garauh	➤ Kata akar ➤ KKTT		➤ Imbuhan infleksi = garauh > gemarauh = KK tunggal > KK aktif	1. Garauh lihat koi limut nak. (Garu belakang saya, digigit nyamuk)
Menggaru	Gemarauh	➤ KK transitif aktif	{-em-}	➤ Imbuhan infleksi = garauh > gemarauh = KK tunggal > KK aktif ➤ Imbuhan sisipan KK aktif {-em-} ➤ Kala kini	1. Garauh lihud koi ahuh gemarauh sak ha'ah koi. (awak garu belakang saya, terus menggaru kaki saya)
Ketuk	Gukuk	➤ Kata akar ➤ KKTT	Tiada	➤ Perbuatan ketuk paku atau kepala, tetapi bukan untuk perbuatan ketuk pintu ➤ Imbuhan infleksi = gukuk > gemukuk = KKTT > KK aktif	1. Siak gukuk mejak man yen. (Jangan ketuk meja macam itu)
Mengetuk	Gemukuk	➤ KK transitif aktif ➤ Kata dasarnya <i>gukuk</i>	{-em-}	➤ Imbuhan sisipan menerbitkan KK aktif {-em-} ➤ Kala kini	1. Nyih gemukuk uhok ideh yen. (Dia mengetuk kepala orang itu)

Langgar	Latak	➤ Kata akar ➤ KKTT	Tiada	➤ Imbuhan infleksi = latak > halatak > nelatak = KK tunggal > KKTT > KK pasif	-
Kena langgar	Halatak	➤ KKTT ➤ Kata dasarnya <i>latak</i>	{ha-}	➤ Imbuhan awalan menerbitkan KKTT ➤ Kala lepas - sudah berlaku	1. Nyih haratak kereta. (Dia kena langgar oleh kereta)
Dilanggar	Nelatak	➤ KK transitif pasif ➤ Kata dasarnya <i>latak</i>	{ne-}	➤ Imbuhan awalan menerbitkan KK pasif {ne-}	-
Pemukul gong	Pok	➤ Kata akar ➤ KN	Tiada	➤ Imbuhan derivasi = pok > hupok = KN > KK	-
Pukul	Hupok	➤ KKTT ➤ Kata dasarnya <i>pok</i>	{hu-}	➤ Imbuhan infleksi = hupok > mupok > hipok = KK tunggal > KK aktif > KKTT ➤ Imbuhan awalan menerbitkan KK tunggal {hu-}	1. Sai hupok anak yen. (Siapa pukul anak itu tadi) 2. Siak hupok anak koi. (jangan pukul anak saya)

Memukul	Mupok	➤ KK transitif aktif ➤ Kata dasarnya <i>pok</i>	{mu-}	➤ Imbuhan infleksi = hupok > mupok > hipok = KK tunggal > KK aktif > KKTT ➤ Kala kini ➤ Imbuhan awalan menerbitkan KK aktif {mu-}	1. Sai mupok ? (Siapa yang memukul)
Kena pukul	Hipok	➤ KKTT ➤ Kata dasarnya <i>pok</i>	{hi-}	➤ Imbuhan infleksi = hupok > mupok > hipok = KK tunggal > KK aktif > KKTT ➤ Imbuhan awalan menerbitkan KK aktif {hi-}	-
Basuh/ membasuh	Hurik	➤ Kata akar ➤ KK transitif aktif	Tiada	➤ Imbuhan infleksi = hurik > nurik = KK aktif > KK pasif	1. Minah hurik kasot skol nyih.(Minah membasuh kasut sekolahnya)
Dibasuh	Nurik	➤ KK transitif pasif	{n-}	➤ {n-} = bentuk pasif	-
Kukus	Kelukus	➤ KKTT	{-el-}	➤ Imbuhan infleksi = kelukus > kemukus > kenukus =	-

				KKTT> KK aktif > KK pasif ➤ Imbuhan sisipan menerbitkan KKTT {-el-}	
Mengukus	Kemukus	➤ KK transitif aktif	{-em-}	➤ Imbuhan infleksi = kelukus>kemukus>kenukus = KKTT> KK aktif > KK pasif ➤ Imbuhan sisipan menerbitkan KK aktif {-em-}	-
Dikukus	Kenukus	➤ KK transitif pasif	{-en-}	➤ Imbuhan infleksi = kelukus>kemukus>kenukus = KKTT> KK aktif > KK pasif ➤ Imbuhan sisipan menerbitkan KK pasif	-
Memicit	Husaid	➤ Kata akar ➤ KK transitif aktif	Tiada	➤ Proses paradigma (Ablaut) ➤ Imbuhan infleksi = husaid>hisaid>he	-

				said = KK aktif >KK pasif>KK tunggal	
Dipicit	Hisaid	➤ Kata akar ➤ KK transitif pasif	Tiada	➤ Pelaku yang memicit seseorang ➤ Proses paradigm	1. Harak bareh koi hisaid nyih. (Kembang tangan saya dipicitnya)
Tertekan, terpicit	Hesaid	➤ Kata akar ➤ KK tak transitif - perbuatan tak sengaja/telah sedia ada	Tiada	➤ Proses paradigm	-
Pecah	Teppaik	➤ Kata akar ➤ KA	Tiada	➤ Proses ini mirip seperti dalam BI, iaitu proses <i>ablaut – song, sing, sung</i> ➤ Perubahan pada huruf vokal /e/, /u/, /i/ ➤ Imbuhan derivasi = Teppaik > Tuppaik = KA > KK aktif	1. Pumau kudut yen teppaik . (Kenapa pinggan itu pecah) 2. Galas koi teppaik . (Gelas saya pecah)
Memecah	Tuppaik	➤ Kata akar ➤ KK transitif	Tiada	➤ Paradigma ➤ Kala kini	1. Nyih tuppaik . (Dia memecahkan)

		aktif		➤ Imbuhan infleksi = Tuppaik > Tippaik= KK aktif>KKT pasif	
Dipecahkan	Tippaik	➤ Kata akar ➤ KK transitif pasif	Tiada	➤ Paradigma ➤ Kala lepas	-
Larang/Melarang	Jukan	➤ Kata akar ➤ KK transitif aktif	Tiada	➤ Imbuhan infleksi = jukan > jikan = KK aktif > KK pasif ➤ Kala kini ➤ Proses paradigma - perubahan hanya pada huruf vocal	1. Sai jukan ?. (Siapa melarang?) 2. Tinah jukan uhauh hurauk sumak gulikau (mak melarang tak suruh main di sungai) 3. Nyih jukan koi lahou mai dijih (dia melarang saya pergi ke sana) 4. Pak Mat jukan madir hutak gu likau itoi. (Pak Mat melarang memancing ikan di sungai itu)
Dilarang	Jikan	➤ Kata akar ➤ KK transitif pasif	Tiada	➤ Imbuhan infleksi = jukan > jikan = KK aktif > KK pasif ➤ Proses paradigma - perubahan	1. Nyih menah jikan . (Dia kena dilarang)

				hanya pada huruf vokal, iaitu /u/ kepada /i/	
Baling	Gutong	➤ Kata akar ➤ KKTT	Tiada	➤ Imbuhan infleksi = gutong > gitong = KKTT > KK pasif ➤ Proses paradigma ➤ Perubahan pada huruf vokal	1. Ideh silek amin mujang gutong, bol menah pasok bui'it koi tepek. (Orang sebelah itu marah baling, bola kena pasu bunga saya pecah) 2. Izal gutong bol menah jabbih nebayek nyih. (Izal baling bola terkena muka kawannya) 3. Tadih yih gutong adjuh berang tukah nyih. (Adik dia baling kayu terkena kakaknya)
Dibaling	Gitong	➤ Kata akar ➤ KK transitif pasif	Tiada	➤ Imbuhan infleksi = gutong > gitong = KKTT > KK pasif ➤ Proses paradigma ➤ Perubahan pada huruf vokal /u/ kepada /i/	-
		➤		➤	

Tanam	Mullah	➤ Kata akar ➤ KK tak transitif	Tiada	➤ Diikuti frasa nama sebagai penyambutnya	1. Koi mullah ujet gu abun yen. (Saya tanam sayur di kebun itu) 2. Minah mullah ladek juman amin. (Minah tanam cili di depan rumah) 3. Ali mullah haddih. (Ali menanam padi)
Sudah ditanam	Hanullah	➤ Kata dasarnya <i>nullah</i> ➤ KK transitif pasif	{ha-}	➤ Imbuhan menerbitkan KK pasif {ha-} ➤ Proses perubahan bunyi (morfofonemik)-mullah, nullah, hullah ➤ Morfofonemik-perubahan morfem pada fonem yang berlaku dalam proses morfologi	1. Ujet tirauk hanullah. (Sayur sudah ditanam)
Tanaman	Nahullah	➤ Kata dasarnya <i>hullah</i> ➤ KN	{na-}	➤ Imbuhan awalan menerbitkan KN {na-} ➤ Proses perubahan bunyi (morfofonemik)-mullah, nullah, hullah	1. Nahullah ujet alauh-alauh nullah debir amin. (Tanaman sayuran harian ditanam di tepi rumah)

Jemurkan	an harabbi	➤ KK	{an-}	➤ Imbuhan awalan, tetapi dalam BM sebagai imbuhan akhiran <i>-kan</i>. ➤ Perbuatan menyuruh seseorang melakukan sesuatu ➤ Jarang digunakan sebab bersifat tidak produktif	1. An harrabi bajju koi. (Tolong jemurkan baju saya) 2. An harabbi nahawau koi yen. (Jemurkan pakaian saya itu)
Nyalakan	an hulon	KK	{an-}	➤ Imbuhan awalan, tetapi dalam BM sebagai imbuhan akhiran <i>-kan</i>. ➤ Perbuatan menyuruh seseorang melakukan sesuatu ➤ Jarang digunakan sebab bersifat tidak produktif	1. an hulon igun gu dapur inauk koi awak nudik berei (nyalakan api di dapur sebab saya nak masak nasi)
Ayam	A'al	KN	Tiada	Tiada	1. minnad tirauk regeh a'al gu passar (harga ayam telur telah naik)

					2. koi lisauk melik nebaang a'al isauk jakain (saya terlupa beli makanan ayam kegunaan esok)
Nama	Aden	KN	Tiada	➤ Satu morfem bebas ➤ Menjadi pelengkap dalam ayat dan inti pada frasa nama	1. Aden koi nora. (nama saya nora)
Lampu	A'ang	KN	Tiada	Tiada	1. Naan karan, uoh yau masang a'ang (tak ada elektrik, tak dapat pasang lampu) 2. Jekman a'ang ditih koi uauh taan gatan milaik (cantik lampu kat sini, saya sendiri tak tahu nak pilih)
Bahu	A'auw	KN	Tiada	Tiada	enauk uppai a'auw koi sahhait (kenapa bahu aku sakit) a'auw anak yen selahaw wak jusei bareng beret (bahu budak itu terseliuh selepas mengangkat barang berat)
Kain	A'in	KN	Tiada	Tiada	nyih naffel a'in nyih no sinaich (dia menampal kain yang koyak)

					koi gatan misom a'in siak au lisauk (esok saya nak pergi cari kain jangan kau lupa)
Anjing	A'uu	KN	Tiada	Tiada	abik matai a'al koi bi'ang a'uu (habis mati ayam saya kena makan anjing) a'uu yen uoh beratait ma'ong (anjing itu tidak berhenti menyalak)
Isteri	Abbah	KN	Tiada	Tiada	abbah lakaih yen jekman (isteri lelaki itu cantik)
Penyepit	Afek	KN	Tiada	Tiada	
Tapak tangan	Aggem	KN	Tiada	Tiada	pumauk datak aggem tujuk koi sajuk? (kenapa tapak tangan saya sejuk?)
Kayu	Ajjuh	KN	Tiada	Tiada	amin ajjuh (rumah kayu)
Kala jengking	Akap	KN	Tiada	Tiada	-
Lelangit	alak-alak	KN	Tiada	Tiada	gatal alak-alak wak umin ujed uhak (gatal lelangit lepas makan sayur keladi) sahait alak alak koi, mesap fek/hek lauk yen (sakit lelangit saya, minum air panas itu)
Hari	Alauh	KN	Tiada	Tiada	alauh itih koi gu diwan (hari ini saya dekat dewan)
Perahu	Alud	KN	Tiada	Tiada	1. Alud nyih marram

					allem labbak (perahu dia karam dalam ombak) 2. Koi bayek lauh nebayek pisauk alud ma'i depar (saya dan kawan-kawan pakai perahu pergi ke sebarang)
Kambing	Amming	KN	Tiada	Tiada	1. Jek nyam sai amming masak kari (sedap betul kambing dimasak kari)
Atap	Apauh	KN	Tiada	Tiada	1. Elap koi apauh daun (pondok saya atap daun)
Tangga	Asen	KN	Tiada	Tiada	1. Turai binnaih yen sukak utauk bu asen (perempuan dara (gadis) itu suka duduk atas tangga)
Sudu	Auk	KN	Tiada	Tiada	1. Umin berey isauk auk (makan nasi menggunakan sudu) 2. Wak isauk auk mestik nurik marau (sudu yang sudah dipakai mesti cuci terus)
Cucu	Ayam	KN	Tiada	Tiada	1. Anak ayam Bok Isah debeh huluk sulluh segelum nyih (anak cucu Bok Isah 20 orang semuanya)
Buaya	Bajjeh	KN	Tiada	Tiada	1. siak matauk gu likauh akik bajjeh (jangan mandi

					di sungai banyak buaya)
Baju	Bajjuk	KN	Tiada	Tiada	1. jekman bajjuh nalauk auh; jekman bajjuk nisauc auh (cantiknya baju yang awak pakai) 1.jekman bajuk belih koi bummaik (cantik baju saya beli semalam)
Lengan	Barreh	KN	Tiada	Tiada	1. bannak barreh bajjuh koi wak hurik nanan (basah lengan baju saya selepas mencuci pinggan) 2. koi sahai barreh inauk jussey beruk (saya sakit lengan mengangkat baldi)
Angin	Barui/baruih	KN	Tiada	Tiada	1. barui malah (angin kuat)
Leher	Batauk	KN	Tiada	Tiada	1. sahait batauk koi; koi mestik umin udduh ikad (sakit leher saya; saya perlu makan ubat batuk) 2. bed batauk manauk kenawai nyen (panjang leher burung bangau itu)
Suami	Bannah	KN	Tiada	Tiada	1. bannah nyih suka umin bek bah (suami dia suka makan buah durian)
Buah	Bek	KN	Tiada	Tiada	1.bek sikoi, bek basong hanelieh gu passar

					minggok (buah tembikai, buah nenas dijual di pasar minggu)
Saudara	Bekanak	KN	Tiada	Tiada	1. sekanak (adik-beradik) 2. bekanak-kanak; bekanak-bekanak tirauk dusuk lem nek (saudara-mara, saudara-mara sudah sampai pada malam tadi)
Tikus	Belabbuh	KN	Tiada	Tiada	1. lem nek akik belabbuh matai wak nerasun koi (malam tadi banyak tikus mati setelah diracun saya)
Belacan	Belassan	KN	Tiada	Tiada	1. koi sukak umin sambal belassan (saya suka makan sambal belacan) 2. addeh buri belassan auh taun iteh? (ada dapat belacan awak tahun ini?)
Benih	Benai	KN	Tiada	Tiada	1. Salman hurar benai hadih gu deren (Salman menabur benih padi di tapak semaian)
Betis	Bettai	KN	Tiada	Tiada	1. Jekman tulin betai turayen inauk nyih jamagek (cantik sungguh betis perempuan itu kerana dia menjaganya)

					2. Sahait betai wak serabet gu taman buwek (sakit betis saya lepas jogging di taman)
Usus	Betukah	KN	Tiada	Tiada	1. Upau betukah wak accident (keluar usus selepas kemalangan)
Buku lali	Bukousam	KN	Tiada	Tiada	1. Sahait bukouhsam wak koi lahou jauk (sakit buku lali lepas jalan jauh) 2. koi lahou jauh,sahait bokousam koi (saya jalan jauh, sakit buku lali saya)
Bulu kening	Buluh Kirai	KN	Tiada	Tiada	1. buluh kirai lakai yen gayak buluh kirai turai (bulu kening lelaki itu menyerupai bulu kening perempuan) 1. bet hannek buluh kirai turai yen (panjang sangat bulu kening perempuan itu)
Kelapa	Buttan	KN	Tiada	Tiada	1. buttan tu'ak isauk satan, buttan mangngauk isauk sap fek nih (kelapa tua untuk santannya, kelapa muda untuk minum airnya)
Bunga	Buwek'	KN	Tiada	Tiada	buwek yen jekman (bunga itu cantik)

Dahi	Da'ih	KN	Tiada	Tiada	1. dagong da'ih nyih (luguk dahinya) 2. suwat da'ih anak yen wak katauk gu jalen (luka dahi anak ya; lepas jatuh di jalan)
Daun	Da'un	KN	Tiada	Tiada	1.addjuh yen mefet da'un (pokok itu lebat daun)
Darah	Darek	KN	Tiada	Tiada	1.hupau darek wak menah hipok (keluar darah lepas kena pukul)
tapak tangan	datak agem	KN	Tiada	Tiada	1. datak agem tupoh koi kasa akik (tapak tangan datuk aku kasar sangat)
tapak kaki	Datak ha'ah	KN	Tiada	Tiada	1. ayak datak ha'ah lakai yen (besar tapak kaki lelaki itu)
Kaki	ha'ah	KN	Tiada	Tiada	1. rayi ha'ah nyih serabet (laju kakinya berlari) 1. kai ma'e Boulevard lahou ha'ah jek huoh jauk (aya pergi Boulevard jalan kaki saja tak jauh)
Dewan	Dewan	KN	Tiada	Tiada	1. akik jemulon alem dewan yen (ramai orang dalam dewan itu) 2. silek amin koi dewan nyin? (dewan itu di

					sebelah mana?)
Siku	Ekoh	KN	Tiada	Tiada	1.lukop ekoh nyih wak gatau'uk (terkupas sikunya selepas terjatuh) 2. sahait ekoh koi wak merang kab long bilik (sakit siku saya selepas terkena pintu bilik)
Rambut	Fuuk	KN	Tiada	Tiada	1. bet tulin fuuk turai yen sapai guk tuud (panjang betul rambut perempuan itu sampai paras lutut)
Gambar	Gammer	KN	Tiada	Tiada	1.o'oh jekman jabih loh wak manak gammer bayek cekgu (tidak cantik gambar mereka yang diambil dengan cikgu) 2.Rejeh nyih manak/mapan gammer loh kawain (kerja dia sebagai ambil gambar orang kahwin)
Peria	Hariyak	KN	Tiada	Tiada	1.ujet hariyak goreng juk (sayur peria tumis telur)
Petai	Hetar	KN	Tiada	Tiada	1.bek hettar asal nyih tulaih gutalon (buah petai asalnya tumbuhan di hutan)
